

BAHAGIAN KETIGA

BAB TIGA

KONSEP ILMU DAN PENDIDIKAN

Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan membicarakan tentang konsep ilmu dan pendidikan bagi al-Falimbānī. Perbincangan dimulakan mengenai konsep ilmu dan epistemologi tasawuf secara ringkas kerana aspek ilmu serta pendidikan yang dibicarakan oleh tokoh ini adalah dalam perspektif tasawuf. Tajuk-tajuk yang akan diperbincangkan merangkumi tiga tajuk utama iaitu;

1. Konsep ilmu dan epistemologi dalam Islam.
2. Konsep ilmu al-Falimbānī dan aspek yang berkaitan dengannya
3. Konsep pendidikan al-Falimbani dan aspek yang berkaitan dengannya.

(A)

KONSEP ILMU

Konsep Ilmu Dalam Islam

Ilmu pengetahuan merupakan suatu aspek yang terpenting dalam kehidupan manusia di samping sebagai salah satu keperluan asas dalam menjalani kehidupan di alam ini. Aspek sejarah telah membuktikan betapa bangsa yang mempunyai berbagai kekuatan fizikal tanpa disertakan dengan kekuatan dalam aspek ilmu tidak mampu untuk memberi arah dan makna pembangunan serta

ketamadunan yang menyeluruh untuk bangsanya, sebaliknya akan terpengaruh seterusnya mengikuti aspek nilai dan ciri ketamadunan bangsa yang ditakluknya¹.

Dalam Islam, ilmu adalah salah satu dari sifat Allāh s.w.t. (*al-ʿālim*) dan antara nama-nama Nya yang indah, oleh itu ilmu adalah milik Allāh s.w.t. secara mutlak sebagaimana firman Nya:²

إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ

Sesungguhnya ilmu pengetahuan hanya ada pada sisi Allāh.

Ilmu Nya meliputi segala realiti, bidang dan seba-gainya dengan tiada batasan kerana "*Dia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata*"³. Bagi manusia, ilmu pengetahuan menduduki tempat yang utama kerana selain daripada menjadikan seseorang itu berilmu, ilmu juga sebagai asas terpenting dalam menjamin kebahagiaan manusia di dunia seterusnya di akhirat. Kenyataan tentang kepentingan ini dapat dilihat dari penjelasan al-Quran seperti penerangan mengenai kisah Nabi Ādam a.s. yang dilengkapi dengan ilmu sebelum diturunkan ke bumi⁴, wahyu pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. merupakan suatu perintah agar

¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah..*, hlm. 4-12.

² Al-Quran, surah al-Aḥqāf:23.

³ Al-Quran, surah al-Anʿām:73.

⁴ Al-Quran, surah al-Baqarah:31.

mempelajari ilmu pengetahuan⁵, penegasan Allāh s.w.t. tentang kelebihan orang berilmu⁶ dan sebagainya.

Konsep ilmu dari perspektif Islam secara umumnya merupakan suatu cahaya (*an-nūr*) yang melambangkan aspek kebenaran⁷. Konsep ilmu seterusnya berbeza di segi pengertian khususnya iaitu merujuk pada fungsinya pada kepentingan manusia seperti dalam aspek akidah dan sains keagamaan; ilmu adalah Islam, dalam aspek tasawuf; ilmu adalah cahaya, dalam aspek falsafah; ilmu adalah pemikiran dan dalam aspek kemasyarakatan; ilmu adalah pendidikan⁸. Secara keseluruhannya konsep ilmu adalah hakikat semua perkara kerana realiti ilmu pengetahuan ialah aspek keyakinannya (*al-yaqīn*) di mana keyakinan merujuk pada suatu daerah kebenaran dan kebenaran merupakan tafsiran bagi aspek *an-nūr*.

Keberkesanan ilmu sebagai suatu cahaya yang mengarah kepada kebenaran bagi manusia tertakluk pada konsep adab yang merujuk pada disiplin diri, minda dan jiwa terhadap kedua pihak yang terlibat dalam proses pengilmuan sama ada di pihak pemberi atau penerima ilmu tersebut⁹. Ini kerana sifat ilmu sebagai cahaya tidak akan memasuki ke

⁵Al-Quran, surah al-‘Alaq:1.

⁶Al-Quran, surah az-Zumar:9; al-Mujādalah:11.

⁷Al-Quran, surah an-Nūr:35; al-Ḥadīd:28.

⁸Franz Rosenthal, *Knowledge Triumphant*, terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah, *Keagungan Ilmu*, Kuala Lumpur, 1992, hlm.79-323; Mehdi Ha'iri Yazdi, *The Principles Of Epistemology In Islamic Philosophy*, New York, 1992, hlm.113-114.

⁹Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept Of Education In Islam*, Kuala Lumpur, 1980, hlm.22.

dalam hati yang keadaannya berpenyakit serta penuh dengan kegelapan justeru pengabaian di segi adab yang sepatutnya ditunaikan sebagai hamba Allāh s.w.t.¹⁰ Golongan ini, walaupun mereka mampu menguasai ilmu pengetahuan tetapi hanya di segi zahir yang bersifat objektif tanpa nilai subjektifnya. Sejarah Islam telah membuktikan keberkesanan sistem pendidikan berteraskan konsep adab ini seperti proses pendidikan yang dijalani oleh Nabi s.a.w. daripada gurunya Jibrīl a.s., para sahabat dari guru mereka Nabi Muḥammad s.a.w. hingga terbina suatu ketamadunan secara fizikal dan kerohanian untuk dunia umumnya dan berkekalan hingga ke hari ini.

Aspek ilmu yang merupakan suatu pemberian dari Allāh s.w.t. dengan *irādah* Nya kepada manusia secara umumnya adalah sedikit (*qatīlā*) berdasarkan firman Nya:¹¹

وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.

Akan tetapi ungkapan sedikit yang dijelaskan Allāh s.w.t. tersebut tidak dapat ditentukan kadarnya kerana dalam suatu keadaan lain, Allāh s.w.t. menjelaskan bahawa ada yang memiliki 'banyak ilmu' dan yang memiliki 'sedikit ilmu', sebagaimana firman Nya:¹²

وَفَرَقَ كُلَّ ذِي عِلْمٍ عَلَيْهِ

¹⁰Ibid., hlm.34; al-Quran, surah an-Nūr:39-40..

¹¹Al-Quran, surah al-Isrā':85.

¹²Al-Quran, surah Yūsuf:76.

*dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan,
ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.*

Oleh itu, walaupun ilmu yang dikhususkan Allāh s.w.t. kepada umat manusia adalah sedikit, akan tetapi bagi minoriti manusia, ilmu mereka adalah 'banyak' nisbah dengan majoriti kerana pemberian ilmu ini tertakluk sepenuhnya kepada Allāh s.w.t. sebagaimana maksud firmanNya "...*mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari ilmu Allāh melainkan apa yang Allāh kehendaki*"¹³. Dalam al-Quran terdapat contoh bagaimana orang yang memiliki 'banyak ilmu' ini mampu mengetahui aspek masa depan atau mampu memindahkan suatu binaan dari dua jarak tempat yang berjauhan dalam sekelip mata¹⁴. Keadaan ini menggambarkan bagi manusia, terdapat jurang perbezaan dalam aspek ilmu, manakala aspek ilmu ini dinisbahkan kepada Allāh s.w.t. adalah terlalu sedikit kerana ilmuNya tiada terbanding serta terhitung.

Kesimpulannya, konsep ilmu dalam Islam adalah bersepadu, walaupun terdapat perbezaan di segi pengertian tetapi semuanya saling berkait antara satu sama lain sama ada di segi objektif atau subjektif serta tiada jurang pemisah antara keduanya justeru semuanya menghala kepada Allāh s.w.t. sebagai sumber segala ilmu pengetahuan.

¹³ Al-Quran, surah al-Baqarah:255.

¹⁴ Al-Quran, surah al-Kahfi:79-82; an-Naml:40.

Aspek Epistemologi Dalam Tasawuf

Aspek ilmu yang dikhususkan bagi manusia umumnya dalam dua kategori iaitu yang bersifat objektif dan bersifat subjektif di samping tertakluk pada dua sumber utama iaitu secara langsung dari Allāh s.w.t. dan keduanya dari akal¹⁵. Aspek pertama menduduki tempat utama kerana aspek kebenaran (*al-ḥaqq*) dan keyakinannya (*al-yaqīn*), kedua aspek kebenaran ini boleh didapati dari tiga pihak iaitu dari Allāh s.w.t. melalui wahyu, dari para Nabi a.s. kerana setiap yang terzahir dari mereka bersumberkan dari Allāh s.w.t.¹⁶ dan ketiga ialah dari golongan yang termasuk dalam kategori *ulū al-amr*¹⁷, *ulū al-‘ilm*¹⁸, *ulū al-albāb*¹⁹ dan *ar-rāsikhūn fī al-‘ilm*²⁰ atau secara umumnya golongan ulama.

Walaupun sumber pertama berautoriti secara mutlak, tetapi aspek akal boleh diterima sebagai sumber ilmu iaitu apabila ia tidak dikuasai oleh kelalaian dari hawa nafsu di samping sentiasa dibimbing oleh

¹⁵Fungsi akal sebagai suatu sumber ilmu boleh difahami dari peranannya untuk tujuan tersebut sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dengan pada istilah-istilah yang merujuk pada akal se-perti *al-‘aql* (akal), *al-fikr* (renungan) dan *adh-dhikr* (ingatan), Syed Muhamad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam*, Kuala Lumpur, 1993, hlm.40-47.

¹⁶Al-Quran, surah an-Najm:3-4.

¹⁷Al-Quran, surah an-Nisā':59, 83.

¹⁸Al-Quran, surah Āli 'Imrān:18.

¹⁹Al-Quran, surah al-Baqarah:179,197,269; Āli 'Imrān:3,190; al-Mā'idah:100; Yūsuf:111; ar-Ra'd:19; Ibrāhīm:52; Šād:29,43; az-Zumar:9,18,21; al-Mu'min:54; at-Talāq:10.

²⁰Al-Quran, surah Āli 'Imrān:7; an-Nisā':162.

wahyu. Penerimaan ini juga mewujudkan suatu pembahagian ilmu dalam Islam dengan merujuk pada aspek keutamaan iaitu ilmu *fard al-‘ayn* (fardu ain) dan ilmu *fard al-kifāyah* (fardu kifayah) di mana ilmu yang pertama berasaskan aspek wahyu serta diutamakan pembelajarannya, manakala ilmu kedua umumnya berasaskan akal dan dipelajari selepas mempelajari ilmu kategori pertama²¹.

Bagi setiap individu, aspek ilmu yang sifatnya sebagai cahaya dan *al-yaqīn*²² terbahagi pada tiga tahap iaitu *‘ilm al-yaqīn*, *‘ayn al-yaqīn* dan *ḥaqq al-yaqīn*²³, umumnya untuk mendapatkan ilmu tersebut adalah melalui pengamalan konsep ibadat, akan tetapi pemahamannya adalah berbeza iaitu berdasarkan aspek hati seseorang.

Dalam aspek penerimaan ilmu, hati manusia diumpamakan cermin yang mampu membalikkan hakikat ilmu dari sisi Allāh s.w.t. dan ia seharusnya bersih dari kekotoran untuk memastikan imej yang diterima itu jelas²⁴. Justeru sistem kehidupan manusia berorientasikan ibadat serta bernilai dosa dan pahala, aspek dosa sebagaimana digam-

²¹Imām asy-Syāfi‘ī, *ar-Risālah*, Muḥammad Sayyid Kaylānī (ed.), Qāherah, 1969, hlm.154-155.

²²*Al-Yaqīn* umumnya merujuk pada suatu ilmu yang benar dan jelas serta bebas dari keraguan. Dalam tasawuf, *al-yaqīn* dikaitkan dengan tiga keadaan; pertama ialah *‘ilm al-yaqīn* iaitu yang di-perolehi melalui dalil atau bukti, kedua ialah *‘ayn al-yaqīn* iaitu yang diperolehi melalui *musyāhadah* dan *kasyf* manakala ketiga ialah *ḥaqq al-yaqīn* iaitu yang diperolehi mengikut apa yang dikehendaki oleh yang *disyuhūdnya* (Allāh s.w.t.), Ibn ‘Arabī, *Kitāb Iṣtilāḥ as-Ṣūfiyah*, Hyderabad, 1948, hlm.7.

²³Al-Quran, surah al-Wāqī‘ah:95; al-Hāqqah:51; at-Takāthur:5,7.

²⁴*Ihyā’*, 3:14.

barkan oleh Nabi s.a.w. merupakan titik-titik hitam yang akan mengabur seterusnya menutup cermin hati²⁵. Akibat dari kotoran dan tidak kesempurnaannya, imej yang dibalikkan akan cacat atau merupakan penyelewengan dalam konteks ilmu kerana ketidakupayaan hati tersebut. Bagi menjamin kemurnian cermin hati dari segala kotoran, nilai-nilai pahala yang terhasil dari ketakwaan dan penunaian segala kewajipan serta ketaatan kepada Allāh s.w.t. diperlukan.

Aspek hati umumnya berada dalam dua dimensi dan di empat peringkat, peringkat pertama ialah *as-ṣadr* yang berada di dimensi zahir, tiga peringkat lain iaitu *al-qalb*, *al-fu'ād* dan *al-lubb* berada di dimensi batin²⁶. Pada peringkat pertama, segala ilmu yang diterima adalah bersifat zahir dengan pemahamannya secara objektif, manakala ilmu yang diterima di setiap peringkat dalam dimensi batin adalah lebih bersifat subjektif. Aspek subjektif ini pula berbeza iaitu merujuk pada tahap kesucian hati dan jiwa seseorang²⁷.

Dalam tasawuf, aspek *al-qalb* memungkinkan seseorang mencapai satu kategori ilmu iaitu *‘ilm al-mukāsyafah* atau dikenali juga

²⁵Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, (*Kitāb az-zuhd*), 2 jilid, Bayrut, t.t., 2:1418.

²⁶Al-Hakīm at-Tarmidhī, Bayān al-Farq Bayn as-Ṣadr Wa al-Qalb wa al-Fu'ād Wa al-Lubb, terj. Nicholas Heer, "A Sufi Psychological Treatise", *The Muslim World*, 1961 (No.1:hlm.25-36, No.2:hlm.83-91, No.3:hlm.163-172, No.4:244-258), 1:28-32.

²⁷Dari segi hierarki, *as-ṣadr* merupakan peringkat pertama dengan penerimaan ilmu sebagai cahaya Islam, *al-qalb* di peringkat kedua dengan ilmunya sebagai cahaya keimanan, *al-fu'ād* di peringkat ketiga dengan ilmunya sebagai cahaya *al-ma'rīfah* dan peringkat keempat ialah *al-lubb* dengan ilmunya sebagai cahaya *at-tawhīd*. Penerimaan ilmu sebagai cahaya tersebut tertakluk pada aspek penyucian hati di mana hati di peringkat pertama masih dikuasai oleh nafsu yang berpotensi negatif, manakala di peringkat keempat aspek kesucian hati mencapai maksimumnya, al-Hakīm at-Tarmidhī, *op.cit.*, hlm.28-32.

sebagai *ma'rifat Allāh*, iaitu mengenal Allāh secara langsung melalui *al-qalb* dan mengatasi potensi akal. Di segi disiplin keilmuan tasawuf, ahli sufi membezakan antara istilah mengenal (*'arafa*) dan mengetahui (*'alima*), *'arafa* ialah mengenal sesuatu dalam bentuk dan namanya, manakala *'alima* ialah mengetahui tentang realiti sesuatu dan dicapai melalui fakulti akal, aspek *'arafa/ma'rifah* dicapai apabila seseorang itu berilmu, oleh itu seseorang *'arif* yang memiliki *al-ma'rifah* mestilah seorang yang mengetahui (*'ālim*)²⁸. Aspek *ma'rifat Allāh* ini dicapai melalui suatu kecapan kerohanian (*adh-dhawq*) dalam pengalaman kerohanian. Oleh itu, sumber ilmu dalam tasawuf terbahagi tiga iaitu wahyu, akal dan *adh-dhawq*.

(B)

KONSEP ILMU AL-FALIMBANI

Konsep Ilmu Bagi Al-Falimbānī

Dalam dua karya utama al-Falimbānī iaitu *Siyar as-Sālikīn* dan *Hidāyat as-Sālikīn*, beliau memulakan huraian mengenai Ilmu yang merangkumi perbincangannya dari aspek kedudukan, kepentingan, nilai dan adab yang berkaitan dengan ilmu. Dari sini dapat ditafsirkan pendapat beliau tentang keutamaan dan kepentingan ilmu serta sifat orang yang berilmu iaitu sifat mengetahui, keadaan ini sebagai persiapan bagi setiap individu untuk menempuh keabadian dan pertemuan dengan Tuhannya, dan bukan untuk tujuan kemusnahan.

²⁸Al-Kalābādhi, *op.cit.*, hlm.81-82.

Konsep ilmu bagi al-Falimbānī difahami dari perbincangannya mengenai konsep hati (*Qalb*) manusia²⁹, kefahaman beliau mengenai aspek ilmu adalah dari perspektif tasawuf di mana ilmu merupakan suatu cahaya dan terhasil dengan berfungsinya fakulti akal manusia serta mampu untuk mengetahui sesuatu ilmu³⁰. Ilmu merupakan cahaya kurniaan Allāh ke dalam hati yang suci dan bersih dari segala dosa³¹, kenyataan beliau ini mengingatkan kepada kata-kata Imām asy-Syāfi'ī (m.204 /820) yang masyhur "*Ilmu itu merupakan cahaya dan ia tidak akan dianugerah kepada pelaku maksiat ('āṣī)*"³².

Menurut al-Falimbānī, seseorang itu hendaklah sentiasa berusaha untuk menyucikan diri dari segala nilai dosa seterusnya menghiasi dengan ilmu-ilmu yang disebut dalam al-Quran dan Hadis, dikenali sebagai ilmu bermanfaat yang berorientasikan takut kepada Allāh (*taqwā*) di samping akan tercapainya kebahagiaan di akhirat kelak. Manakala ilmu yang merupakan kemuncak dalam hierarki segala ilmu

²⁹Siyar, 3:2-17.

³⁰Akal yang dimaksudkan ialah dalam pengertiannya sebagai zat atau jisim yang halus dihubungkan dengan perbuatan Allāh Ta'āla dan bersifat kerohanian (*Latīfat Rabbāniyah wa Rūḥāniyah*) Siyar, 3:13.

³¹*Ibid.*, 3:138, 4:123. Al-Ghazālī ketika menggambarkan terukirnya ilmu pada diri manusia, mengumpamakan hati manusia sebagai cermin di alam zahir (*'ālam al-mulk*) yang mampu membalikkan imej dari alam sebaliknya (*'ālam al-malakūt*), *Ihyā'*, 3:13, 4:99-100.

³²Muḥammad 'Afif az-Za'bā, *Dīwān asy-Syāfi'ī*, Bayrūt, 1971, hlm.54.

ialah ilmu mengenal Allāh atau *ma'rifat Allāh*³³, manakala individunya dikenali sebagai *'arif*³⁴. Menurut al-Falimbānī, ilmu-ilmu inilah yang dimaksudkan oleh Allāh s.w.t. agar manusia memilikinya.³⁵

Untuk memahami konsep ilmu al-Falimbānī secara jelas, boleh dirujuk pada kefahaman beliau terutamanya dalam aspek ilmu dan sum-bernya.

a. Aspek Ilmu

Dalam sejarah pemikiran manusia, suatu pembahagian telah dibuat dengan merujuk pada kategori tertentu yang berkait dengan aspek ilmu³⁶, Aristotle membahagikannya pada ilmu teori dan ilmu praktikal³⁷

³³Idea tentang konsep ini dikatakan tercetus dari pemikiran Abū Sulaymān ad-Dārānī, Dhu an-Nūn al-Miṣrī seterusnya memperkembangkan serta menyebarkan gagasan konsep ini dalam tasawuf, manakala Abū Yazīd al-Bisṭāmī pula memperjelaskan konsep ini dengan sempurna, lihat Farīd ad-Dīn 'Aṭṭār, *Tadhkirat al-Awliyā'*, terj. A.J.Arberry, *Muslim Saints And Mystic*, 2 Jilid, London, 1966, 1:235.

³⁴Menurut ahli sufi, seseorang *'arif* sentiasa mengakui tentang Allāh Ta'āla dengan segala nama serta sifat Nya, jujur kepada Nya dalam setiap tindakan, sentiasa membebaskan diri dari segala sifat tercela di samping mendekatkan diri kepada Nya, sentiasa ikhlas dan bebas dari pengaruh dirinya manakala hatinya hanya mendengar dari Allāh semata-mata. Keadaan ini mengasingkan dirinya dari makhluk serta ikatan-ikatan dalam aspek kemanusiaan termasuk kelemahan dirinya, dan keadaannya sentiasa berhubung dengan Allāh di setiap waktu, masa, keadaan dan sebagainya, lihat al-Qusyayrī, *op.cit.*, hlm.141.

³⁵Siyar, 1:10,3:31; Al-Quran, surah al-Baqarah:197.

³⁶Dalam tradisi pemikiran manusia tentang ilmu selain Islam, pembahagian mereka tentang ilmu lebih merujuk pada sistem penduaan atau dualisma yang tidak mungkin berlaku kesepaduan dan kesatuan antara keduanya, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Aims And Objectives Of Islamic Education*, terj. Samsudin Jaapar, *Tujuan Dan Objektif Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur, 1992, hlm.5.

³⁷John Burnet, *Aristotle On Education*, Cambridge, 1967, hlm.1-3; William K.Frankens, *Three Historical Philosophies Of Education Aristotle, Kant, Dewey*, Illinois, 1965, hlm.18.

, Ibn Khaldūn membahagikannya pada *naqlī* (bersumberkan wahyu) dan *‘aqlī* (bersumberkan akal)³⁸. Dalam Islam, pembahagian ilmu umumnya dalam dua kategori seperti yang dibuat oleh Imām asy-Syāfi‘ī iaitu ilmu teras dan ilmu pilihan³⁹. Walaupun begitu, pembahagian ini tidak bermaksud perpisahan atau dualisma dalam ilmu melainkan merujuk kepada aspek keutamaan dalam pembelajaran di mana ilmu teras yang bersumberkan dari wahyu mesti didahulukan sebelum mempelajari ilmu pilihan yang kebanyakannya bersumberkan akal.

Bagi al-Falimbānī, penerangan beliau secara umumnya didasari kepada al-Ghazālī iaitu merujuk dari sudut hubungkait antara manusia dengan ilmu. Aspek ilmu bagi al-Ghazālī⁴⁰ secara ringkasnya terbahagi dua⁴¹; ilmu keagamaan (*syar‘īyah*)⁴² dan ilmu akal (*‘aqlīyah*) seperti

³⁸Ibn Khaldūn, *Kitāb al-‘Ibar*, 1:786-789.

³⁹Ilmu teras ialah ilmu berkenaan salat, puasa, haji, zakat, perkara-perkara yang telah sabit pengharamannya dalam al-Quran dan Sunnah seperti zina, mencuri, minum arak dan sebagainya, manakala ilmu pilihan umumnya ialah cabang dari ilmu teras yang tiada nas dalam al-Quran dan Sunnah tetapi diperlukan untuk kehidupan manusia di dunia ini, Imām asy-Syāfi‘ī, *op.cit.*, hlm.154-155.

⁴⁰Dalam karya-karya al-Ghazali, aspek ilmu yang diterangkan umumnya dalam empat kategori;

- i. Di segi teori dan praktikal.
- ii. Di segi anugerah (*huḍūrī*) dan melalui usaha (*huṣūlī*).
- iii. Di segi keagamaan (*syar‘īyah*) dan akal (*aqlīyah*).
- iv. Disegi Fardu Ain dan Fardu Kifayah.


Lihat Osman Bakar, *Classification Of Knowledge In Islam*, Kuala Lumpur, 1992, hlm.203-226.

⁴¹*Ihyā’*, 1:16-17.

⁴²Ilmu *syar‘īyah* ialah ilmu yang diperolehi dari para Nabi dan Rasul, dan tidak tercapai sama ada melalui akal, indera atau percubaan. Ia terbahagi pada 4 aspek utama:

- a. Ilmu dari sumber-sumber utama (*Uṣūl*) iaitu dari Kitab-kitab Allah, Sunnah Rasul, Kesepakatan (*Ijmā‘*) orang Islam dan tradisi (*Athār*) para sahabat.
- b. Ilmu dari sumber pecahan (*furū‘*) iaitu fahaman atau erti lain yang diambil dari sumber *uṣūl*, ia berkisar sama ada di bidang perhubungan sosial (*mu‘āmalah*) atau hal ehwal akhirat.
- c. Ilmu-ilmu pengantar (*Muqaddimāt*) yang berfungsi sebagai alat untuk memahami

Rajah 2



Menurut al-Ghazālī, Ilmu *Syarʿīyah* bersumberkan wahyu dan tergolong dalam kategori ilmu yang terpuji (*maḥmūd*), manakala Ilmu *ʿAqlīyah* diperolehi melalui fakulti akal dan pada dasarnya harus (*mubāḥ*) mempelajarinya di mana terpuji jika matlamatnya untuk mengenal Allāh s.w.t. dan tercela (*madhmūn*) jika sebaliknya. Kategori *maḥmūd* dan *mubāḥ* tertakluk pula pada fardu ain atau fardu kifayah di mana Ilmu *Syarʿīyah* menjadi fardu ain apabila berkaitan dengan segala kewajipan yang menjadi fardu penunaianya dan menjadi fardu kifayah

ilmu *Uṣūl* seperti ilmu bahasa dan lainnya.


d. Ilmu-ilmu pelengkap (*Mutammimāt*) yang berfungsi sebagai pelengkap dalam memahami ilmu *Uṣūl* seperti ilmu *Uṣūl al-Fiqh*, *ʿUlūm al-Qurʿān* dan sebagainya, lihat *Ihyāʾ*, 1:16-17.

⁴³ Ilmu *ʿaqlīyah* ialah ilmu yang diperolehi melalui fakulti akal manusia dan dikenali juga dengan ilmu *ghayr syarʿīyah*. Ilmu ini umumnya terbahagi pada 3 kategori:
a. Ilmu terpuji (*Maḥmūd*); ia terbahagi dua, pertama ialah ilmu terpuji yang fardu iaitu yang berkait dengan keperluan hidup manusia seperti ilmu perubatan manakala kedua ialah ilmu terpuji tidak fardu iaitu mendalami ilmu kategori pertama itu.
b. Ilmu tercela (*Madhmūn*) iaitu ilmu yang tiada faedah sama ada pada diri, agama atau dunia walaupun sedikit seperti ilmu sihir, jampi dan sebagainya.
c. Ilmu yang harus (*Mubāḥ*) mempelajarinya, ia tidak begitu diperlukan serta tidak mendatangkan bahaya seperti ilmu-ilmu kesusasteraan, *Ihyāʾ*, 1:16.

apabila tujuannya untuk penyucian diri seterusnya kepada matlamat penciptaan manusia, akan tetapi ia menjadi fardu ain apabila seseorang itu melihatnya bukan saja perintah dari Allāh tapi sebagai satu jalan untuk mencapai kebahagiaan abadi di akhirat kelak.

Aspek ilmu yang menjadi jalan ke akhirat bagi al-Ghazālī terbahagi dua iaitu Ilmu *Mu‘āmalah* dan Ilmu *Mukāsyafah*.

Rajah 3



Menurut al-Ghazālī, Ilmu *Mu‘āmalah* terbahagi dua iaitu zahir dan batin yang merangkumi ilmu-ilmu tentang ibadat, adat⁴⁴ serta sifat-sifat terpuji dan tercela⁴⁵ dalam diri⁴⁶. Ilmu *Mukāsyafah* merupakan

⁴⁴Ia merangkumi tiga aspek iaitu akidah, suruhan (*Amr*) dan larangan (*Tark*). Kedua-dua bahagian ibadat dan adat ini, dikenali sebagai Ilmu *Mu‘āmalah* Zahir iaitu yang berhubung dengan amalan anggota-anggota luar, lihat *Ihyā’*, 1:14-15.

⁴⁵Kedua-dua sifat terpuji dan tercela ini, dikenali sebagai Ilmu *Mu‘āmalat al-bāṭin* iaitu yang berhubung dengan amalan-amalan hati. Al-Ghazālī telah menyenaraikan sifat-sifat yang tergolong dalam dua kategori sifat ini dalam *Ihyā’*nya, lihat *Ihyā’*, 1:20-21.

⁴⁶Menurut al-Ghazālī, dalam diri manusia terdapat tiga aspek potensi; keinginan (*Syahwah*), kemarahan (*Ghaḍab*) dan berfikir (*‘Aql*). Tiga potensi ini apabila diasuh dengan baik akan melahirkan induk keutamaan akhlak (*Ummahāt al-Faḍā’il*) yang terhasil dari dua sifat yang negatif iaitu ekstrim (*ifrāt*) dan pasif (*tafrīt*). *Ummahāt al-Faḍā’il* tersebut ialah kebijaksanaan (*al-Hikmah*) yang lahir dari sifat penipu (*al-Khabb*) dan bodoh (*al-Balah*), keluhuran (*al-Iffah*) lahir dari sifat gelojoh (*as-Syarrah*) dan tiada keinginan (*Kalāl as-Syahwah*), keberanian (*asy-Syajā’ah*) lahir dari sifat berani buta (*at-Tahawwur*) dan penakut (*al-Jubun*), dan keadilan (*al-‘Adālah*) sebagai integrasi dari ketiga-tiga keutamaan tersebut, jika tidak diasuh sifat kezaliman (*az-Ḍulm*) akan lahir dari integrasi dua sifat negatif tersebut.

klimak bagi Ilmu *Mu'āmalah* yang dicapai melalui pengalaman iaitu dengan usaha yang bersungguh-sungguh ke arah penyucian hati dan bagi minoriti umat Islam iaitu para Nabi a.s., ia merupakan anugerah dari Allāh s.w.t.⁴⁷.

Dalam huraian al-Falimbānī, beliau hanya mengemukakan intisari perbincangan ilmu bagi al-Ghazālī. Huraian beliau hanya dalam satu konteks iaitu ilmu yang tergolong dalam kategori terpuji (*maḥmūd*) dan dikenali sebagai Ilmu Maanfaat (*ʿIlm an-Nāfiʿ*). Menurut beliau, *ʿIlm an-nāfiʿ* merupakan suatu ilmu yang memberi manfaat pada agama dan di akhirat kelak iaitu ilmu yang mampu meningkatkan rasa takut kepada Allāh di samping gemar mengerjakan ibadat, mengurangkan rasa cinta terhadap aspek keduniaan dan seterusnya sentiasa mengawasi diri dari tipudaya syaitan⁴⁸, menurut beliau lagi, ilmu ini umumnya diterangkan dalam karya-karya al-Ghazālī dan karya tasawuf lain⁴⁹. Suatu yang jelas dari penjelasan al-Falimbānī dalam aspek ilmu, beliau sentiasa menghubungkan dengan Allāh s.w.t. dalam setiap aspek yang berkait dengan ilmu.

Dari *Ummahāt al-Faḍā'il* inilah segala sifat terpuji akan lahir, *Ihyā'*, 3:59.


⁴⁷Ilmu *mukāsyafah* diumpamakan sebagai cahaya yang memancar di hati, melaluinya banyak perkara yang dulunya sukar dan sulit untuk difahami menjadi nyata dan jelas seperti ilmu-ilmu ketuhanan dan lainnya, ilmu ini dikenali juga sebagai Ilmu Tersembunyi (*ʿIlm Maknūn*), *Ihyā'*, 1:39.

⁴⁸*Hidāyat*, hlm.3.

⁴⁹*Siyar.*, 1:6, 1:10, 3:31.

'*Ilm an-nāfi'* menurut al-Falimbānī terbahagi dua iaitu ilmu syariat yang merujuk pada ilmu keagamaan dan diperolehi melalui pendidikan formal, kedua ialah ilmu *mukāsyafah* yang merujuk pada ilmu yang diperolehi melalui anugerah dari Allāh s.w.t. Keduanya digambarkan dalam hierarki ilmu seperti rajah di bawah:

Rajah 4



Menurut beliau, Ilmu syariat terbahagi pada dua iaitu Ilmu Syariat Zahir (*Ṭā'at az-Zāhir*) dan Ilmu Syariat Batin (*Ṭā'at al-Bāṭin*). Ilmu Syariat Zahir menurut beliau "...*Ilmu Usuluddin dan Ilmu Fekah*"⁵⁰, di mana Ilmu Usuluddin berkait penerangannya mengenai iktikad yang menjadi pegangan bagi *Ahl as-Sunnah wa al-Jamā'ah*⁵¹, golongan *al-Asy'ariyah*⁵² dan golongan sufi; iaitu berkisar mengenai zat

⁵⁰Ibid.,3:176.


⁵¹Menurut al-Baghdādī,terdapat lapan golongan yang termasuk dalam kategori *Ahl as-Sunnah wa al-Jamā'ah*,lihat al-Baghdādī, *op.cit.*, hlm.181-191.

⁵²Dalam segi akidah, mereka yang tergolong dalam kategori *Ahl as-Sunnah wa al-Jamā'ah* boleh dinamakan *Sunnī* atau *al-Asy'arī/al-Asy'ariyah* iaitu merujuk kepada salah seorang pengasasnya iaitu Abū al-Ḥasan al-Asy'arī.

Allāh, sifat-sifat Nya, perbuatan Nya dan berkenaan dengan konsep kerasulan, manakala Ilmu Fekah merangkumi Ilmu Ibadat dan Ilmu Adat⁵³. Ilmu Syariat Batin pula menurut beliau "...*iaitu Ilmu Tasawuf yakni Ilmu Tarekat dan Ilmu Hakikat*"⁵⁴.

Aspek ilmu syariat ini terbahagi pada ilmu yang merujuk pada tanggungjawab bagi setiap individu yang meliputi dua aspek iaitu ilmu fardu ain⁵⁵ dan fardu kifayah⁵⁶. Kedua ilmu tersebut merangkumi tiga jenis ilmu iaitu Ilmu Tauhid, Ilmu Syariat dan Ilmu Batin⁵⁷.

Rajah 5



Ilmu Tauhid dikenali juga dengan beberapa nama seperti Ilmu Usuluddin, Ilmu Akidah (*'aqidah*), Ilmu Kalam (*al-kalām*) dan lainnya.

⁵³Ilmu Ibadat ialah mengenai segala kewajipan (*tā'āt*) yang zahir seperti bersuci (*tahārah*), salat, zakat, puasa dan fardu haji, manakala Ilmu Adat pula ialah mengenai etika-etika dalam penunaian kewajipan ilmu ibadat dan segala yang berkait dengan segala aspek sosial (*mu'āmalah*) manusia, Siyar, 1:3.

⁵⁴*Ibid.*,3:176.

⁵⁵Ilmu Fardu Ain menurut al-Falimbānī ialah ilmu yang menjadi kewajipan mempelajarinya kerana kemampuannya menyempurnakan segala amalan ibadat sama ada zahir atau batin, Siyar, 1:17.

⁵⁶Ilmu Fardu Kifayah pula menurut beliau ialah segala ilmu Fardu Ain, ilmu terpuji dan juga ilmu-ilmu yang diharuskan oleh syarak mempelajarinya. Ilmu ini dipelajari selepas mempelajari ilmu-ilmu Fardu Ain serta mempraktiknya, mempelajarinya sebelum Ilmu Fardu Ain adalah dilarang, Siyar, 1:14; 1:17.

⁵⁷*Ibid.*,1:19.

Dalam konteks ilmu ini, kadar wajib mempelajarinya adalah dalam dua aspek; pertama ialah mengetahui secara ringkas tentang Allāh s.w.t. iaitu mengenai zat, sifat Nya yang *salbīyah* atau *thubūṭīyah*⁵⁸ dan juga perbuatan Nya yang mustahil dan juga harus⁵⁹. Kedua ialah mengetahui segala yang berkaitan dengan konsep kerasulan Nabi Muḥammad s.a.w. dan semua rasul lain⁶⁰.

Ilmu Syariat dikenali juga dengan Ilmu *Furū'* dan Ilmu Fekah (*fiqh*) dan kadar wajib mempelajarinya adalah dalam dua aspek; pertama ialah mengetahui tentang perkara yang berkaitan dengan kewajipan bersuci, salat, puasa, zakat dan fardu haji, aspek kedua ialah mengetahui tentang ibadat salat iaitu segala yang berkaitan dengan perkara yang membatalkannya, sunat dan sebagainya⁶¹. Ilmu Batin pula dikenali juga dengan Ilmu *Sulūk*, Ilmu *Tarīq*, Ilmu Tasawuf dan sebagainya di mana kadar wajib mempelajarinya ialah dalam dua aspek; pertama ialah mengetahui amalan yang mampu menyuci hati dari segala sifat tercela dan kedua ialah mengetahui seterusnya mempraktik segala sifat yang tergolong dalam kategori sifat terpuji⁶². Ketiga ilmu tersebut, kadar

⁵⁸Dalam *Siyarnya*, al-Falimbānī membicarakan sifat-sifat Allāh s.w.t. dalam empat aspek iaitu *Salbīyah*, *Tanzīh*, *Thubūṭīyah* dan *Wujūdīyah*, *Siyar*, 1:21-30.

⁵⁹Ketika mempelajari serta memahami ilmu ini, al-Falimbānī mengemukakan satu etika mengenainya iaitu larangan menggunakan logik akal dalam memahami segala aspek yang berkaitan dengan sifat-sifat Allāh s.w.t. seperti pertanyaan bagaimana kata-kata Allāh, huruf-huruf yang diucapkan Nya dan sebagainya, penggunaan akal hanya boleh digunakan apabila menjawab atau mematahkan hujah dari mereka yang ragu-ragu dalam suatu masalah akidah atau mereka yang memusuhi Islam, *Siyar*, 3:93.

⁶⁰*Ibid.*, 1:19.

⁶¹*Ibid.*

⁶²*Ibid.*, 1:19-20.

fardu kifayah ialah mempelajari secara mendalam dari kadar fardu ain bagi setiap kategori⁶³, tetapi mendalami kategori Ilmu Tasawuf lebih utama dari yang lain⁶⁴.

Selain dari kategori ilmu di atas, terdapat dua kategori ilmu yang disebut oleh al-Falimbānī tergolong dalam Ilmu Fardu Kifayah; kategori ilmu yang dipuji syarak menuntunya dan kategori ilmu yang diharuskan syarak menuntunya seperti ilmu kedokteran, matematik, bahasa dan lainnya⁶⁵. Bagi al-Ghazālī, aspek ilmu ini merupakan kategori ilmu *'aqlīyah* yang *maḥmūd* atau *mubāḥ* dan termasuk dalam kategori fardu kifayah⁶⁶. Dari sudut hierarki *'ilm an-nāfi'*, al-Falimbānī mengumpamakan Ilmu Tasawuf itu seperti buah kelapa yang merangkumi padanya kulit (sabut), isi dan minyak. Ilmu Fekah diumpamakan sebagai kulit, Tasawuf sebagai isi dan Ilmu Hakikat sebagai minyak. Klimak dalam menuntut ilmu ialah tercapainya Ilmu Hakikat atau Ilmu Laduni, nisbah bagi buah kelapa ialah santan atau minyaknya, yang merupakan satu realiti yang wujud tapi tersembunyi dan hanya boleh didapati melalui proses tertentu⁶⁷.

⁶³Ibid., 1:17.

⁶⁴Al-Falimbānī menegaskan bahawa semua ilmu yang tergolong dalam kategori ilmu manfaat, terkandung dalam Ilmu Tasawuf dan dengan mempelajarinya, kewajipan fardu ain telah terlaksana, *Siyar*, 1:20.

⁶⁵Ibid., 3:149.

⁶⁶Iḥyā', 1:16.

⁶⁷Siyar, 1:11.

Dalam aspek Ilmu *Mukāsyafah*, al-Falimbānī menggunakan istilah Ilmu Laduni⁶⁸ merujuk pada ilmu ini. Ilmu Laduni bersumberkan secara langsung dari Allāh s.w.t. dan digambarkan sebagai cahaya (*nūr*) yang diletakkan oleh Allāh ke dalam hati para Nabi serta Wali Nya yang suci dari segala kotoran dosa, dengannya seseorang itu mampu mengenal Allāh s.w.t. (*Ma'rifat Allāh*) dengan yakin sebagaimana kata beliau:

...dibukakan oleh Allāh Ta'ālā dalam hati mereka itu akan ilmu *mukāsyafah* dan ilmu laduni iaitu *nūr* yang ditaruhkan dalam hati *anbiyā'* dan *awliyā'* Nya dan dengan dia dapat *ma'rifah* akan Allāh Ta'ālā dengan sebenar-benar *ma'rifah*..⁶⁹

Kategori ilmu ini disebut juga dengan beberapa nama seperti *al-Ḥaqīqah*, *Ma'rifat Allāh* dan lainnya yang menduduki tahap tertinggi dalam hierarki kategori ilmu. Dalam al-Quran, Khidr a.s.⁷⁰ diceritakan memiliki ilmu ini iaitu ilmu tentang hakikat dari segala yang berlaku dan wujud serta rahsianya⁷¹.

⁶⁸Istilah Laduni diambil dari ayat al-Quran bermaksud "*Kami telah mengajarnya ilmu dari sisi Kami (Ladunnā)*", perkataan *Ladunnā* itu membawa pada pembentukan *Ladunnī* dan Ilmu Laduni, al-Quran, surah al-Kahf:65.

⁶⁹Siyar, 3:138.

⁷⁰Di kalangan para ulama dan ahli sejarah, mereka tidak bersependapat tentang nama sebenar Khidr, tapi nama yang masyhur ialah Balyā b. Malkān, manakala 'Khidr' merupakan gelaran baginya yang bermaksud 'hijau'. Ada yang mengatakan beliau adalah seorang Nabi dan ada pendapat yang mengatakan beliau adalah seorang Wali Allāh, beliau juga diperihalkan sebagai seorang manusia yang akan hidup hingga berlakunya kiamat sebagaimana kesepakatan ahli sufi, tetapi ada yang meragui kenyataan ini. Walau apapun, rujukan asasnya iaitu al-Quran menerangkan bahawa beliau ialah seorang hamba Allah (*'abdan min 'ibādīnā*) yang diberi rahmat (*ātaynāhu rahmah*) serta dianugerahkan ilmu dari sisiNya (*'allamnāhu min ladunnā ilma*) atau Ilmu Laduni, Al-Quran, surah al-Kahf:65; Ibn Ḥajar, al-Iṣābah, 4 Jilid, Qaherah, 1939, 1:428-447; An-Nawawī, Tahdhīb al-Asmā' Wa al-Lughāt, 2 Jilid, Qaherah, 1966, 1:176-177.

⁷¹A.J. Wensinck, 'al-Khaḍir', E.I.², 4:902-905; Irfan Omar, 'Khidr In Islamic Tradition', The Muslim World, no.3-4, 1993, hlm.279-291.

Aspek ilmu dalam konteks keperibadian Khidr a.s. menunjukkan kemampuan manusia mengetahui hakikat sesuatu melalui suatu ilmu yang dianugerahkan Allāh s.w.t. dan ilmu ini mampu mengatasi ilmu yang dimiliki oleh para Nabi a.s. dari beberapa sudut sebagaimana penjelasan Khidr a.s. kepada Nabi Mūsā a.s.; "*sesungguhnya aku memiliki ilmu dari Allāh di mana Dia mengajarku dan engkau tidak mengetahuinya, manakala engkau juga memiliki ilmu dari Nya di mana Dia mengajar engkau dan aku tidak mengetahuinya*"⁷², contoh lain yang jelas dalam konteks ilmu ini ialah kisah Nabi Sulaymān a.s. dan salah seorang pengikutnya yang mampu memindahkan suatu binaan dari dua jarak tempat yang jauh dalam sekelip mata dan bertentangan dengan hukum fizik⁷³.

Oleh itu menurut al-Falimbānī⁷⁴, orang yang dianugerahkan ilmu ini mampu mengetahui aspek *rūh* sebagaimana kata beliau:

...tiada mengetahui akan sebenar-benar hakikat *rūh* itu melainkan Allāh Ta'ālā dan *anbiyā'* dan *awliyā'* Nya yang telah dibukakan oleh Allāh Ta'ālā di dalam hati mekeka itu akan ilmu *mukāsyafah* dan ilmu laduni...⁷⁵

⁷²Imām al-Bukhārī, op.cit.,(*Kitāb at-Tafsīr*: surah al-Kahf),2:111.

⁷³Sebagai suatu penjelasan dari peristiwa ini beliau menerangkan kepada Nabi Sulaymān a.s. "*Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku*", al-Quran, surah an-Naml:40.

⁷⁴Siyar,3:6.

⁷⁵Siyar, 3:138.

Dalam al-Quran, walaupun Allāh s.w.t. telah menegaskan bahawa aspek *rūḥ* adalah di bawah urusan Nya⁷⁶, Nabi Muhammad s.a.w. juga turut membicarakan aspek tersebut. Mengenai hal ini, Ibn Qayyim al-Jawzīyah menerangkan bahawa pengetahuan aspek tersebut bagi manusia hanya dari segi keilmuan dan bukan dari segi realiti⁷⁷.

Selain dari dua kisah dari al-Quran tersebut, Allāh s.w.t. juga telah berfirman dalam satu Hadis Qudsi "*...dan sentiasa hamba Ku bertaqarub kepada Ku dengan amalan sunat hingga Aku mencintainya, jadilah Aku sebagai pendengarannya yang dia gunakan untuk mendengar dan sebagai penglihatan yang dia gunakan untuk melihat dan sebagai tangannya yang dia gunakan untuk berjuang dan sebagai kakinya yang dia gunakan untuk berjalan dan jika dia meminta sesuatu kepada Ku, pasti Aku meberinya dan jika dia minta perlindungan, akan Aku berikan kepadanya*"⁷⁸. Justeru suatu kefahaman mengenai ilmu *mukāsyafah* bagi al-Falimbānī dapat disimpulkan iaitu suatu ilmu yang diperolehi secara langsung dari Allāh s.w.t.

Walaupun ilmu ini bersifat anugerah dari Allāh s.w.t., ia mampu dicapai oleh manusia melalui pendidikan formal iaitu dengan mempelajari tasawuf serta mempraktik segala ajarannya dengan

⁷⁶Al-Quran, surah al-Isrā':85.

⁷⁷Lihat huraian Ibn Qayyim al-Jawzīyah mengenai masalah *rūḥ* dalam karya beliau *Ar-Rūḥ*, cet.5, Bayrut, 1991.

⁷⁸Imām al-Bukhārī, *op.cit.*, (*Kitāb ar-riqāq*), 8:131.

bersungguh-sungguh⁷⁹, justeru hanya minoriti dari manusia yang mampu mencapai ilmu ini dan dianggap telah mengecapi syurga dunia⁸⁰ iaitu merujuk kepada kenikmatan keintelektualan.

Dalam pembahagian ilmu yang dibuat oleh al-Falimbānī tersebut, suatu yang jelas ialah wujudnya suatu hierarki dalam ilmu iaitu merujuk pada aspek epistemologi. Akan tetapi semuanya berkait dengan Allāh s.w.t. di mana setiap kategori ilmu saling berkait antara satu sama lain di samping saling melengkapi antara wahyu dan akal. Matlamat semuanya ialah kembali kepada mengenali kebesaran dan kekuasaan Allāh s.w.t.⁸¹

b. Sumber Ilmu Bagi Al-Falimbānī

Suatu yang berkait dari penerangan al-Falimbānī mengenai '*ilm an-nāfi*' ialah berkenaan sumber untuk mendapatkan ilmu tersebut yang difahami secara tidak langsung di mana sumber tersebut umumnya dari dua sudut iaitu yang merujuk pada aspek akal dan wahyu.

⁷⁹Menurut al-Ghazālī, apabila seseorang itu membersihkan diri dari segala dosa, cermin hatinya dapat membalikkan imej dari '*ālam al-malakūt*' dengan sempurna, dari aspek ilmu, seseorang itu telah memasuki dunia keroohanian (*rūḥānī*) di mana ilmu yang didapati adalah secara langsung dari Allāh s.w.t., al-Ghazālī, *Jawāhir al-Qur'ān*, Bayrūt, 1973, hlm.30-31.

⁸⁰Siyar, 3:17.

⁸¹Al-Quran, surah al-Baqarah:31-33.

Dari aspek pertama, pemahaman ilmu ialah sama ada melalui pengalaman, pengamatan dan penelitian yang melibatkan penggunaan akal dan pancaindera, umumnya melalui sistem pendidikan sama ada formal atau sebaliknya dengan menjadikan bukti yang diasaskan pada logik akal sebagai suatu kaedah pemahaman. Sebagai contoh dalam penerangan al-Falimbānī dari aspek pengajaran akidah, walaupun akidah merupakan suatu yang sabit melalui sumber wahyu, dalam keadaan tertentu aspek pemikiran digunakan iaitu apabila menjawab kesangsian yang ditimbulkan oleh sesetengah golongan terutamanya berkait dengan Allāh s.w.t. di mana suatu jawapan rasional berasaskan penyelidikan dan pengalaman indera diperlukan⁸².

Penggunaan akal ini tertakluk dengan adab serta etika tertentu yang berkait dengan pendidikan Islam, kaedah ini bersesuaian dengan gesaan Allāh s.w.t. agar diteliti serta diselidiki sesuatu berita yang disampaikan tanpa membuat tuduhan⁸³. Apabila aspek akal yang bersifat zahir tidak disepadukan dengan aspek batin serta adabnya, al-Falimbānī mengkategorikan individu tersebut sebagai orang yang terpedaya (*ghurūr*) dengan ilmunya⁸⁴.

Di segi sumber ilmu kedua, ia merujuk pada ilmu yang diterima secara langsung dari Allāh s.w.t. Selain dari al-Quran dan Sunnah yang

⁸²Siyar, 1:34.

⁸³Al-Quran, surah al-Hujurāt:6.

⁸⁴Siyar, 3:168.

berautoriti sepenuhnya, al-Falimbānī mengemukakan satu kategori lagi yang diperolehi melalui sumber ini iaitu dikenali sebagai Ilmu Laduni atau ilmu mengenal Allāh (*ma'rifat Allāh*) yang dicapai pengalaman kerohanian. Aspek ilmu dari sumber ini boleh dicapai melalui satu pendidikan formal dalam tasawuf yang juga merupakan suatu perjalanan (*at-tarīq*) yang terdiri suatu keadaan batin (*aḥwāl*) dari beberapa *maqāmāt* (peringkat) yang ada awal dan akhirnya.

Al-Falimbānī membicarakan *maqāmāt* dengan istilahnya sebagai taat batin, iaitu lawan bagi maksiat batin. Urutan *maqāmāt* beliau iaitu taubat, takut, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakal, cinta, reda dan mengingati mati. Secara umumnya, terbentuknya realiti setiap *maqām* tersebut adalah dari tiga perkara iaitu ilmu, hal dan perbuatan atau tindakan. *Maqām* taubat contohnya, aspek ilmu ialah apabila seseorang menyedari dan mengetahui bahaya dosa sama ada zahir atau batin kerana ia mampu menghalang seseorang dari Tuhannya, ini melahirkan suatu keadaan di hati (hal) iaitu bimbang dan sedih sekiranya ia berlaku, keadaan ini seterusnya mendorong seseorang itu melakukan suatu tindakan iaitu bertaubat dari segala amalannya yang lalu serta bertekad untuk tidak mengulanginya⁸⁵.

Setiap *maqām* tersebut akan ditempuh oleh *sālik* satu persatu dengan *maqām* pertamanya iaitu *maqām* taubat, walaupun begitu setiap *maqām* itu saling berkait antara satu sama lain. *Maqām* taubat misalnya,

⁸⁵ *Ibid.*, 4:24-33.

kemungkinan akan diterima Allāh s.w.t. apabila memenuhi syaratnya, tetapi *maqām* takut (*khawf*) dan harap (*rajā'*) seharusnya diiringi bersama; takut jika taubatnya ditolak di samping berharap ia diterima⁸⁶. Setiap *maqām* ini juga, sama ada akan kekal dalam diri *sālik* pada setiap peringkat atau terkhusus bagi satu peringkat saja; *maqām khawf* misalnya, adalah bagi golongan *mubtadī* dan apabila sampai ke peringkat tertinggi (*muntahī*), *sālik* akan berada di *maqām* cinta (*maḥabbah*)⁸⁷ sebagaimana al-Quran menjelaskan mereka tidak lagi merasa takut maupun sedih⁸⁸. *Maqām zuhud* (*zuhd*) pula, kekal dalam setiap peringkat di mana zuhud *mubtadī* adalah kesungguhan melawan nafsunya yang masih cenderung pada keduniaan, *mutawassīṭ* pula telah mampu meninggalkan keduniaan tanpa cenderung padanya manakala zuhud *muntahī* ialah menumpukan seluruh hati dan jiwa ke akhirat kerana aspek keduniaan tiada nilai baginya⁸⁹.

Maqām terakhir dan tertinggi dalam perjalanan ini ialah *maḥabbah* di mana menurut al-Falimbānī, tiada lagi *maqām* sesudah *maḥabbah* melainkan tercapainya *ma'rifat Allāh*. Walaupun begitu, terdapat satu *maqām* sesudah *maḥabbah* iaitu *maqām* reda (*ar-riḍā*), menurut beliau, *maqām* ini merupakan 'buah' dari *maḥabbah* dan sebagai jalan utama yang menghubungkan kepada *ma'rifat Allāh*⁹⁰,

⁸⁶Ibid.,4:9.

⁸⁷Ibid.,4:33.

⁸⁸Al-Quran, surah Yūnus:62.

⁸⁹Siyar,4:87-88.

⁹⁰Ibid.,4:139.

manakala mengingati mati (*dhikr al-mawt*); *maqām* terakhir dalam urutan *maqāmāt* beliau lebih merujuk maksudnya sebagai taat batin yang merupakan sifat terpuji dan bukan sebagai *maqām* dalam istilah tasawuf. Dari penjelasan al-Falimbānī tersebut, dapat difahami bahawa *maʿrifat Allāh* merupakan anugerah dari Allāh s.w.t. setelah diri suci dari aspek dosa, justeru ilmu ini bersifat wahyu iaitu dalam aspeknya yang bersumberkan terus dari Allāh s.w.t., tetapi bukan dari aspek tarafnya.

Dari huraian al-Falimbānī mengenai sumber ilmu, dapat difahami bahawa ia berasal dari tiga sumber utama iaitu wahyu, akal dan anugerah Allāh. Dalam pembahagian ilmu di segi ilmu fardu ain dan fardu kifayah, ilmu kategori pertama mewakili sumber yang pertama, manakala ilmu kategori kedua mewakili sumber kedua dan ketiga. Sumber yang ketiga tersebut dikenali sebagai Ilmu Laduni atau *maʿrifat Allāh* iaitu kurniaan Allāh s.w.t. kepada hamba Nya yang bukan dari kalangan para Nabi a.s. dengan keadaan hatinya suci dan bersih dari segala kotoran dosa. Aspek ilmu ini diperolehi melalui suatu pengalaman kerohanian serta etikanya yang khusus.

Konsep Ulama

Satu aspek yang dapat dikaitkan melalui penerangan ilmu ialah mengenai golongan ulama. Golongan ini sebagaimana dijelaskan Allāh s.w.t. dalam al-Quran ialah mereka yang sentiasa takut kepada Nya "*Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut kepada Allāh dari*

kalangan hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu"⁹¹. Ulama secara umumnya adalah mereka yang dianugerahkan dengan ilmu pengetahuan dan dianggap golongan minoriti yang berilmu nisbah kepada majoriti. Allāh s.w.t. juga menerangkan bahawa golongan ini mempunyai suatu kedudukan dan martabat yang tinggi kerana cara pemikiran serta tindakan mereka berlainan dengan mereka yang tidak berilmu⁹².

Menurut al-Falimbānī, kedudukan orang yang berilmu (*‘ālim*) lebih tinggi tarafnya dari orang yang beribadat (*‘ābid*) kerana seseorang yang mengerjakan amalan ibadat tanpa ilmu bukanlah seorang *‘ābid* kerana setiap ibadat itu mesti disertakan dengan ilmu untuk menentukan sah atau batalnya. Oleh itu beliau menegaskan bahawa seorang *‘ālim* yang *‘ābid* lebih tinggi tarafnya daripada seorang yang *‘ābid* tanpa ilmu⁹³. Dalam hal ini, pandangan al-Falimbānī selaras dengan suatu hadis Nabi s.a.w. yang telah mengumpamakan kelebihan seorang *‘ālim* dari *‘ābid* seperti kelebihan bulan dari segala bintang⁹⁴.

Menurut beliau lagi, ulama yang menepati konsep sebagaimana hadis Nabi bermaksud "*Para ulama adalah pewaris para Nabi*"⁹⁵ ialah

⁹¹ Al-Quran, surah Fāfir:28.

⁹² Al-Quran, surah az-Zumar:9; al-Mujādalah:11.

⁹³ Siyar, 1:5.

⁹⁴ Ibn Mājah, op.cit., (*al-muqaddimah*), 1:81.

⁹⁵ At-Tarmidhī, op.cit., 5:49.

golongan ulama yang memiliki suatu ilmu yang memberi manfaat di akhirat iaitu Ilmu Takwa (*'ilm at-Taqwā*)⁹⁶ yang diakui Allāh s.w.t. di samping gesaan Nya agar ia dijadikan bekalan ke akhirat⁹⁷. Menurut al-Falimbānī, ulama yang dimaksudkan dari al-Quran dan Hadis tersebut dikenali sebagai ulama akhirat atau ulama yang menjalani jalan ahli sufi kerana mereka mengikuti Sunnah para Nabi keseluruhannya; fizikal dan sprituil⁹⁸. Beliau mengumpamakan ulama sufi itu seperti doktor jiwa (*Ṭabīb ar-Rūḥ*) yang mampu mengubati penyakit batin yang berpunca dari segala maksiat batin di hati dan tergolong dalam perkara-perkara yang membinasakan (*muhlikāt*)⁹⁹. Keadaan ini yang membezakan Ilmu Tasawuf dengan yang lain sama ada di segi keutamaan, kedudukan dan sebagainya¹⁰⁰.

Seterusnya beliau menjelaskan walaupun ulama mempunyai kedudukan yang utama, terdapat segolongan mereka yang digelar ulama jahat (*'ulamā' as-sū'*) atau ulama dunia (*'ulamā' ad-dunyā*) iaitu mereka yang memperalatkan ilmu untuk mendapat kemegahan dunia¹⁰¹. Merujuk kepada al-Quran, diperihalkan bahawa setelah Allah s.w.t. mengisytiharkan golongan Iblis sebagai kufur, mereka meminta izin serta

⁹⁶Siyar, 1:10.

⁹⁷Al-Quran, surah al-Fāṭir:28; al-Baqarah:197.

⁹⁸Siyar, 3:187.

⁹⁹Ibid., 3:198.

¹⁰⁰Ibid., 3:197.

¹⁰¹Ibid., 1:17.

bertekad untuk menyesatkan manusia¹⁰². Kaedah penyesatan ini adalah melalui segenap aspek yang berkait dengan manusia seperti menimbulkan was-was, menggunakan tipudaya, menggerakkan nafsu yang berpotensi kejahatan dan sebagainya. Oleh itu, di kalangan orang yang berilmu umumnya terdapat dua kategori iaitu mereka menjadikan al-Quran sebagai petunjuk dan mereka yang menjadikan syaitan sebagai pimpinan¹⁰³.

Menurut al-Falimbānī lagi, apabila seseorang itu menuntut ilmu dengan tujuan keduniaan, maka ketika itu dia adalah sejahat-jahat maksiat serta mendapat penyiksaan dari Allāh s.w.t. di akhirat¹⁰⁴. Seterusnya beliau mengemukakan beberapa ciri utama ulama ini berdasarkan hadis-hadis Nabi s.a.w., antaranya mereka yang menuntut ilmu untuk tujuan kemegahan, mereka yang tidak memanfaatkan diri dari ilmunya, mereka yang semakin bertambah ilmunya tetapi keadaan dirinya semakin jauh dari Allāh s.w.t. kerana tidak mendapat hidayat dari Nya, mereka yang berilmu tetapi sentiasa melakukan amalan-amalan fasik yang bernilai dosa¹⁰⁵.

Sebagai suatu kesimpulan, al-Falimbānī mengkategorikan ulama kepada dua golongan; pertama ialah ulama sebenar iaitu mereka yang

¹⁰²Al-Quran, surah al-Hijr:39.

¹⁰³Al-Quran, surah al-Baqarah:2; al-A'raf:27.

¹⁰⁴Siyar, 1:18.

¹⁰⁵Ibid.

memiliki ilmu pengetahuan yang bersifat sebagai cahaya di samping mampu memanfaatkan diri serta orang lain dengan ilmunya, manakala kedua ialah ulama jahat iaitu mereka yang mengeksploitasi ilmu untuk tujuan keduniaan kerana ilmu mereka tidak bersifat sebagai suatu cahaya. Dalam hal ini, Allāh s.w.t. sendiri membezakan dua golongan ini dengan istilah *awliyā' Allāh*¹⁰⁶ dan *awliyā' asy-syayṭān*¹⁰⁷ di mana golongan pertama berpanduan kepada Allāh s.w.t. sebagai panduan dan golongan kedua menjadikan syaitan sebagai panduan mereka.

(C)

KONSEP PENDIDIKAN

Konsep Pendidikan Dalam Islam

Kedudukan ilmu sangat penting bagi umat manusia umumnya serta memainkan peranan utama justeru martabat dan jatuh bangun sesuatu bangsa bergantung padanya. Memahami bahawa ilmu merupakan teras ketamadunan dan kemajuan bagi umat manusia, suatu sistem pendidikan telah dibuat oleh manusia untuk menjamin kelangsungan ilmu bagi mereka.

Dari sudut pandangan Islam, sistem pendidikan mestilah terarah dengan matlamat dan objektif yang menepati syarak seterusnya menepati

¹⁰⁶Al-Quran, surah Yūnus:62.

¹⁰⁷Al-Quran, surah an-Nisā':76.

tujuan kehadiran dan penciptaan manusia di alam ini. Kemajuan yang dicipta dari ilmu pengetahuan yang tiada bermatlamat dalam sistem pendidikannya akan mengakibatkan kekeliruan bagi masyarakat seterusnya membawa kepada kerosakan dan kehancuran pada tamadun manusia itu sendiri. Keadaan ini telah dijelaskan oleh Allāh s.w.t.¹⁰⁸ dan fenomena ini berlaku kerana sudut penekanan dalam pendidikan tersebut hanya di segi aspek kebendaan yang bersifat zahir sahaja¹⁰⁹, sedangkan aspek kerohanian merupakan salah satu punca kemajuan dan ketamadunan ilmu¹¹⁰.

Dalam Islam, konsep pendidikannya adalah bertujuan membentuk akhlak terpuji bagi setiap individu agar tercapai konsep ketakwaan serta perilaku yang positif (*'amal as-ṣāliḥ*), seterusnya terbentuk suatu konsep manusia yang baik¹¹¹. Pembentukan ini bermula dari tahap perseorangan iaitu dengan memiliki akhlak yang mulia yang juga menjadi salah satu tujuan pengutusan Nabi Muḥammad s.a.w. di alam ini, setiap individu yang berakhlak ini akan membentuk suatu masyarakat yang harmoni

¹⁰⁸Al-Quran, surah ar-Rūm:41.

¹⁰⁹Mohd.Kamal Hassan, *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur, 1988, hlm.63.

¹¹⁰Osman Bakar, "Tradisi Kerohanian Sebagai Asas Kelahiran Dan Kemajuan Sains Dan Teknologi", Osman Bakar dan Azizah Hamzah (ed.), *Sains, Teknologi, Kesenian Dan Agama: Perspektif Pelbagai Agama*, Kuala Lumpur, 1992, hlm.14-41.

¹¹¹Muḥammad 'Athiyat al-Ibrāsyī, *At-Tarbiyat al-Islāmiyah*, terj. H.Bustami A.Gani dan Djohar Bahry, *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, Jakarta, 1970, hlm.15-24; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Concept Of Education In Islam*, hlm.23.

seterusnya terbentuk suatu umat manusia yang aman. Konsep akhlak ini bukan hanya terbatas kepada aspek moral dan etika bagi diri malahan mencakupi setiap aspek yang berkait dengan manusia dan persekitarannya di alam ini¹¹².

Suatu yang jelas, tujuan pendidikan Islam ialah membentuk suatu sistem nilai bagi umatnya kerana akhlak bukan saja sebagai tunggak serta teras bagi kemajuan masyarakat malahan sebagai suatu aspek terpenting dalam kesempurnaan Iman¹¹³.

Konsep Pendidikan al-Falimbani

Dalam *Siyar*, al-Falimbānī tidak membicarakan aspek pendidikan sebagai satu tajuk perbincangannya. Idea tentangnya difahami dalam konteks kefahaman beliau mengenai konsep manusia, Tuhan dan juga alam, secara tidak langsung. Pendidikan yang ditekankan iaitu dalam perspektif tasawuf.

Menurut beliau, matlamat terakhir dalam pendidikan ialah mengetahui semua benda melalui Tuhan iaitu satu integrasi yang hakiki (*Tawḥīd*) mengikut prinsip ajaran Islam, manakala konsep pendidikan

¹¹²Yūsuf al-Qarḍāwī, *At-Tarbīyat al-Islāmīyah Wa Madrasat Ḥassan al-Bannā*, cet.2, Qāherah, 1982, hlm.32-33.

¹¹³*Ibid.*, hlm.30; ‘Umar Muḥammad at-Tūmī asy-Syaybānī, *Falsafat at-Tarbīyat al-Islāmīyah*, Tripoli, 1975, hlm.221-226.

adalah sebagai satu proses pembersihan logam diri (*nafs*) manusia dari segala kotoran di dalamnya serta mengubahnya menjadi jiwa yang bersih lagi suci¹¹⁴. Proses ini mampu dilaksanakan apabila seseorang itu menghiaskan diri dengan segala ilmu bermanfaat yang secara umumnya ialah Ilmu Tasawuf. Sehubungan dengan ini, beliau telah menjelaskan antara tujuan dan etika dalam mencari ilmu :

Adalah *qasad* orang yang belajar ilmu itu semata-mata kerana Allah Taala yakni kerana menjunjung titah Allah Taala, dan kerana negeri akhirat, dan kerana membaikkkan zahirnya itu dengan ibadat kepada Allah Taala, dan membaikkkan batinnya yakni hatinya itu dengan bersifat segala sifat yang kepujian, dan menyucikan daripada segala kecelaan serta hadir kepada Allāh Ta'āla, dan yang demikian itu menyampaikan kepada *ma'rifat* Allāh Ta'āla dan kepada martabat yang tinggi serta malaikat *al-muqarrabin*, dan jangan *qasad*nya menuntut ilmu kerana jadi penghulu orang, dan supaya jadi orang besar, dan dapat kemuliaan, dan dapat harta, dan dapat kemegahan.¹¹⁵

Dari itu, antara tujuan pencarian ilmu pengetahuan ialah kerana kemampuannya memandu dan mengarah individu itu ke arah akhlak dan adab yang mulia serta terpuji, juga sebagai permulaan dalam proses pendidikan¹¹⁶. Justeru keutamaannya, proses ini hendaklah dimulakan bagi setiap individu semenjak bayi lagi¹¹⁷. Dalam huraian beliau itu, dapat disimpulkan empat aspek utama yang berkaitan dengan pendidikan iaitu;

¹¹⁴Muhammad Uthman el-Muhammady, *Peradaban Dalam Islam*, hlm.164-166.

¹¹⁵Siyar,1:15.

¹¹⁶*Ibid.*,1:3-12.

¹¹⁷*Ibid.*,3:23.

- i. Kurikulum
- ii. Pendidikan moral
- iii. Displin dan akhlak dalam pendidikan
- iv. Proses dan kaedah pendidikan

i. Kurikulum

Aspek kurikulum ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat dasar, pertengahan dan tinggi dengan dua kaedahnya sama ada secara formal atau sebaliknya.

a. Peringkat Dasar

Menurut al-Falimbānī, proses pendidikan setiap individu bermula apabila mencapai peringkat *tamyīz*. Di peringkat ini, pendidikannya adalah secara tidak formal dan berorientasikan moral, di mana ibubapa seharusnya menanam nilai-nilai kebaikan serta menjauh nilai-nilai keburukan dalam jiwa anak-anak agar lahir keperibadian yang mulia dengan segala akhlak terpuji¹¹⁸.

Dalam hal ini, pandangan beliau tersebut bertepatan dengan penekanan dari Rasul s.a.w. tentang keperluan pendidikan. Baginda telah menekankan keperluan pendidikan moral dengan menerangkan bahawa

¹¹⁸*Ibid.*, 3:22-23.

pemberian yang paling berharga dari ibubapa kepada anaknya ialah pemberian budipekerti¹¹⁹, baginda juga menyeru agar dimuliakan anak-anak di samping mengelokkan moral dan adab mereka¹²⁰.

Seterusnya al-Falimbānī menyarankan untuk pendidikan formal, kanak-kanak hendaklah diajar dengan pengajian al-Quran sebagai asasnya di samping hadis-hadis Nabi, sejarah serta keperibadian mulia para Rasul, wali dan orang-orang salih. Penekanan harus juga dilakukan dalam aspek pegangan atau *i'tiqād* iaitu akidah *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* dengan cara menghafalnya¹²¹.

Oleh itu, objektif utama yang ingin ditekankan oleh al-Falimbānī pada peringkat ini ialah supaya seseorang kanak-kanak itu mempunyai suatu pegangan kepercayaan terhadap Islam yang sebenarnya.

b. Peringkat Pertengahan

Al-Falimbānī tidak menentukan permulaan peringkat ini secara jelas, akan tetapi suatu andaian boleh dibuat dengan merujuk kepada sejarah pendidikan Islam di mana peringkat ini biasanya bermula apabila seseorang itu mencapai umur *bāligh* kerana mereka ditaklifkan menunaikan segala tuntutan agama di peringkat umur ini dengan

¹¹⁹At-Tarmidhī, *op.cit.*, (*Kitāb al-birr wa as-sillah*), 4:338.

¹²⁰Ibn Mājah, *op.cit.*, (*al-adab*), 2:1211.

¹²¹Siyar, 1:34.

pendidikan secara formal¹²². Ilmu-ilmu yang sepatutnya dipelajari ialah segala ilmu yang bermanfaat yang tertakluk pada pelajaran wajib (*fard al-'ayn*) atau pilihan (*fard al-kifāyah*).

Menurut etika pendidikan yang dikemukakan al-Falimbānī, ilmu-ilmu dalam kategori fardu ain mesti diutamakan pembelajarannya sebelum ilmu kategori fardu kifayah dan dalam kategori fardu kifayah pula, Ilmu Tasawuf hendaklah diutamakan¹²³. Sebagaimana beliau tidak menentukan permulaan peringkat ini, beliau juga tidak menetapkan bilakah berakhir peringkat ini.

Sebagai suatu andaian, kemungkinan al-Falimbānī tidak menetapkan aspek umur pada peringkat ini kerana dalam Islam, pendidikan adalah suatu kewajipan sepanjang hayat dengan merujuk pada suatu sabda Nabi s.a.w. yang menerangkan bahawa menuntut ilmu adalah kewajipan setiap individu muslim sepanjang hayatnya¹²⁴.

c. Peringkat Tinggi

Pendidikan peringkat tinggi menurut al-Falimbānī adalah bagi mereka yang ingin mendalami tasawuf serta mempraktik segala ajaran-

¹²²Mansoor A.Qureishi, *Some Aspect Of Muslim Education*, Baroda, 1970, hlm.13.

¹²³Ilmu Tasawuf diutamakan kerana matlamatnya untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat, mereka yang mahir dalam ilmu-ilmu lain mungkin terpedaya dengan ilmu itu sekiranya tidak mempelajari Ilmu Tasawuf, *Siyar*, 3:167.

¹²⁴Ibn Mājah, *op.cit.*, (*al-muqaddimah*), 1:81.

nya. Seseorang yang ingin memasuki peringkat ini mesti mahir dalam segala ilmu fardu ain kerana bimbang ia tidak mampu memahami serta mengamal segala ajaran tasawuf dengan sebenarnya¹²⁵.

Beberapa syarat tertentu harus dipatuhi sebelum memasuki peringkat ini; antaranya ialah taubat dari segala dosa zahir dan batin, menjauhi segala bentuk kemegahan dan kebesaran dunia di samping mencari harta hanya sekadar keperluan diri dan tanggungannya, mengakui kebenaran tasawuf walaupun terdapat beberapa aspek yang secara zahirnya bercanggah dengan uruf atau adat kebiasaan. Seterusnya mengetahui ilmu-ilmu fardu ain, mengamalkan segala wirid yang ditetapkan, membanyakkan zikir kepada Allāh s.w.t. dan lainnya¹²⁶. Menurut al-Falimbānī lagi, mereka yang berada di peringkat ini terbahagi pada tiga tahap; *mubtadī*¹²⁷, *mutawassī*¹²⁸ dan *muntahī*¹²⁹, setiap tahap terkhusus teks tasawuf tertentu sebagai rujukan¹³⁰.

¹²⁵Al-Falimbānī mengistilahkan mereka dalam peringkat ini dengan berbagai nama seperti orang yang menjalani jalan akhirat, *sālik*, jalan ahli sufi dan lainnya, *Siyar*,3:42-43.

¹²⁶*Ibid.*,3:43-44.

¹²⁷Iaitu orang yang baru menjalani peringkat ini, di mana hati mereka belum suci sepenuhnya dari maksiat batin seperti sifat *riyā'*, *'ujub*, marah dan sebagainya, sekalipun maksiat zahir telahpun suci, *Siyar*,3:176..

¹²⁸Iaitu peringkat pertengahan di mana hati mereka telah suci dari segala maksiat zahir dan batin, *Siyar*,3:177.

¹²⁹Iaitu peringkat terakhir, di mana jiwanya suci dari segala maksiat dan hatinya sentiasa mengingati Allāh Ta'āla, *Siyar*,3:177.

¹³⁰Menurut al-Falimbānī, seseorang yang berada di tahap rendah di larang mempelajari teks bagi tahap yang lebih tinggi dari tahapnya kerana bimbang fahamannya akan tersalah, melainkan di bawah pengawasan gurunya serta dengan syarat-syarat tertentu, *Siyar*,3:183-184.

Peringkat tertinggi sebagaimana yang dikemukakan al-Falimbani tersebut memperlihatkan ia adalah suatu yang sukar kerana tertakluk dengan etika dan disiplin tertentu di samping tidak boleh didedahkan dengan sewenang-wenangnya.

ii. Pendidikan Moral

Dalam sistem pendidikan Islam, sumber utama untuk mendapatkan maklumat yang seterusnya menjadi suatu ilmu sebagaimana terdapat dalam al-Quran ialah dari indera serta akal di segi zahirnya dan melalui intuisi serta ilham di segi batinnya¹³¹, manakala ilmu yang bersumberkan wahyu menduduki tempat tertinggi kerana aspek *al-yaqīn* atau kebenarannya¹³². Di segi etika pendidikan Islam, setiap ilmu yang diperolehi dari dua sumber pertama di atas hendaklah diintegrasikan dengan wahyu agar tidak menyeleweng, manakala pemisahan keduanya menjadikan seseorang itu angkuh serta biadab terhadap Allāh s.w.t¹³³.

Oleh kerana itu, pendidikan mengenai etika serta moral bagi setiap individu adalah perlu dan seharusnya dimulakan sejak kecil kerana setiap individu dilahirkan dalam keadaan fitrah yang bersedia menerima

¹³¹Wan Mohd.Nor Wan Daud, *The Concept Of Knowledge In Islam*, London, 1989, hlm.64.

¹³²*Ibid.*

¹³³S.M.Naguib al-Attas, *op.cit.*, hlm.34.

segala ajaran sama ada berupa baik atau sebaliknya¹³⁴, seterusnya mempunyai suatu pegangan moral dan etika dalam menjalani kehidupan seharian.

Dalam huraian al-Falimbānī mengenai aspek pendidikan moral, ia melibatkan dua peringkat iaitu kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang secara keseluruhannya lebih bersifat tidak formal; bermula dengan tanggungjawab ibubapa atau penjaga seseorang kanak-kanak, sama ada secara teori atau praktikal dan seterusnya menjadi suatu kesedaran untuk mempraktiknya setiap masa.

a. Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak

Dalam sistem pendidikan Islam, pendidikan di peringkat kanak-kanak lebih merujuk pada pendidikan keimanan dengan penekanan di segi aspek moral dan etika¹³⁵. Menurut al-Falimbānī, setiap individu mempunyai persediaan secara tabii sama ada untuk menjadi baik atau sebaliknya kerana kanak-kanak secara semulajadinya menerima apa saja yang diajar kepadanya walaupun tanpa bukti; sekiranya dilatih dengan baik, dia akan menjadi baik dan begitu juga sebaliknya¹³⁶.

¹³⁴Imām Muslim, *op.cit.*, (*Kitāb al-Qadr*), 16:207-208.

¹³⁵Abd Allāh Nāṣih ‘Ulwān, *Tarbiyat al-Awlād Fī al-Islām*, 2 Jilid, cet.3, Bayrūt, 1981, 1:147-166.

¹³⁶Siyar, 3:22.

Menurut beliau lagi, kaedah pendidikan moral hendaklah dimulakan semenjak bayi¹³⁷ dan apabila hampir mencapai peringkat *tamyīz*, nilai-nilai akhlak yang positif hendaklah diterapkan terutama sifat malu yang dikehendaki dalam Islam. Seterusnya dilatih dengan disiplin yang baik dalam aktiviti hariannya seperti adab makan dan minum, adab berpakaian, pergaulan, bermain dan sebagainya.

Seterusnya al-Falimbānī menegaskan dalam aspek sosial, mereka tidak seharusnya diasuh dengan kemewahan dan kemegahan kerana implikasinya membawa pada akhlak tercela seperti sifat dusta, dengki, mencuri, banyak ketawa dan lainnya. Pergaulan mereka juga perlu diawasi dengan menggalakkan berkawan dengan mereka yang bermoral terpuji. Suatu moral baik yang ditunjukkan mereka sebaiknya dipuji sebagai galakan walaupun di hadapan orang ramai tetapi apabila melibatkan suatu perilaku yang negatif, hendaklah dirahsiakan seolah-olah tidak mengetahuinya melainkan dilakukan untuk kali kedua di mana amaran dan kesalahannya hendaklah diberitahu di samping memberi cadangan supaya berkelakuan baik. Kerap memarahi adalah tidak wajar kerana dibimbangi ia menjadi kebiasaan kepada mereka seterusnya sifat hormat pada ibubapa akan hilang¹³⁸.

Di segi membentuk keperibadian, al-Falimbānī menyarankan agar mereka dididik dengan sifat jujur dan berani serta tidak menyembunyi

¹³⁷Iaitu ketika proses menyusu dan mengasuh; hendaklah dari seorang wanita yang baik (*ṣāliḥah*). Ini kerana akhlak wanita dan air susunya memberi kesan kepada kanak-kanak tersebut sama ada zahir atau batinnya, Siyar, 3:23.

¹³⁸*Ibid.*, 3:26-27.

perbuatannya dari orang lain hingga sifat-sifat ini menjadi adat kepada mereka. Mereka juga seharusnya dilarang dari bermegah dengan kekayaan ibubapa, sebaliknya digalakkan sentiasa bermoral murni seperti merendah diri, bersopan dan lainnya, begitu juga dalam pergaulan dengan masyarakat seperti adab menghadiri sesuatu majlis, ketika bercakap dan sebagainya¹³⁹.

Sekiranya dibandingkan dengan konsep pendidikan Islam, pandangan al-Falimbānī tersebut adalah selari kerana tujuan utama dalam pendidikan moral khususnya bagi kanak-kanak adalah untuk melenyapkan segala sifat kejahilan kerana kejahilan merupakan suatu kegelapan yang melambangkan kesesatan, berlawanan dengan sifat ilmu iaitu cahaya yang melambangkan kebenaran¹⁴⁰. Apabila aspek moral ini diabaikan, dua implikasi utama terjadi apabila mereka dewasa kelak iaitu akan lahir suatu keperibadian yang tidak berakhlak serta bermoral dan kedua ialah berlakunya suatu pergaulan liar serta merosakkan moral¹⁴¹.

Dalam aspek moral di segi pendidikan formal, al-Falimbānī menyarankan agar mereka diajar dengan pengajian al-Quran, hadis-hadis Nabi s.a.w., sejarah serta kisah para Nabi, wali dan orang salih. Mereka jangan didedahkan dengan unsur-unsur negatif seperti bahan bacaan atau sajak yang bertemakan cinta selain Allāh s.w.t., ilmu sastera yang tiada

¹³⁹Ibid., 3:27-29.

¹⁴⁰Wan Mohd. Nor Wan Daud, *op.cit.*, hlm.68-69.

¹⁴¹Abd Allāh Nāsiḥ 'Ulwān, *op.cit.*, 1:178.

berfaedah¹⁴². Penekanan hendaklah juga dibuat dalam aspek akidah tanpa membanyakkan soal pembuktian, masalah dan sebagainya. Apabila mereka mencapai peringkat *tamyīz*, kewajipan-kewajipan asas dalam Islam seperti bersuci, salat, puasa hendaklah ditekankan¹⁴³. Saranan beliau tersebut bertepatan dengan suatu hadis di mana Nabi s.a.w. mengharuskan memukul kanak-kanak berusia sepuluh tahun apabila diabaikan kewajipan salat¹⁴⁴.

Kesimpulannya, pandangan al-Falimbānī tersebut menekankan bahwa pendidikan moral dan akhlak hendaklah dimulakan pada peringkat kanak-kanak agar kemurnian peribadi dapat dihayatinya melalui aktiviti harian serta menjadi adat bagi mereka. Kalau dirujuk dalam sistem pendidikan Islam secara umum, pendidikan aspek moral kepada kanak-kanak adalah untuk memantapkan mereka dalam tiga segi iaitu di segi akidah, ketakwaan dan di segi mengingati serta berhubung dengan Allāh s.w.t. setiap masa¹⁴⁵.

b. Pendidikan Moral Kepada Orang Dewasa

Penerangan al-Falimbānī mengenai pendidikan moral kepada golongan dewasa adalah berkait dengan segala aspek negatif yang wujud

¹⁴²Siyar,3:25-26.

¹⁴³Ibid.,1:30-34.

¹⁴⁴Abū Dawūd, Sunan Abī Dawūd, (*Kitāb as-Salāh*),4 Jilid,Misr, 1952,1:115.

¹⁴⁵Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān, *op.cit.*,1:155-161.

dalam diri akibat hati dikotori dengan nilai dosa dari amalan negatif, seterusnya kesedaran agar diabaikan segala sifat tercela berdasarkan syariat Islam supaya terbentuk darinya suatu keperibadian yang baik¹⁴⁶ yang diistilah sebagai *'amal as-sālih*. Dalam al-Quran, aspek ini sentiasa mengiringi aspek keimanan yang menggambarkan kedua aspek ini tidak dapat dipisahkan di samping menjadi salah satu ciri orang Islam yang beriman (*al-mu'min*)¹⁴⁷.

Al-Falimbānī menegaskan sebagai langkah pertama dalam pendidikan ini, seseorang itu mestilah dengan penuh kesungguhan membiasakan diri dengan segala sifat terpuji di samping menghindari dari segala sifat tercela agar menjadi suatu kebiasaan¹⁴⁸. Beliau mengistilahkan sifat terpuji dengan taat batin (*ṭā'ut al-bāṭin*) di mana terdapat sepuluh sifat terpuji yang menjadi induknya iaitu taubat, *khawf*, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakal, *maḥabbah*, reda pada segala *qaḍā'* dan *qadar* serta mengingati mati (*dhikr al-mawt*). Dalam aspek sifat tercela atau maksiat batin pula, terdapat sepuluh sifat iaitu suka pada makan dalam kadar yang berlebihan, keterlaluan dalam percakapan, sifat pamarah (*ghaḍab*), sifat dengki (*ḥasad*), kedekut dan sayangkan harta, sukakan kemegahan, kasihkan kehidupan dunia dari akhirat, sifat membesar diri sendiri (*takabbur*), sifat hairan kebaikan diri sendiri (*'ujub*)

¹⁴⁶Siyar, 3:3.

¹⁴⁷Al-Quran, surah al-Baqarah:1-5.

¹⁴⁸Siyar, 3:17-18.

dan berbuat ibadat bukan kerana Allāh s.w.t. tetapi untuk maksud lain (*riyā'*)¹⁴⁹.

Apabila dua kategori sifat dimensi batin ini sentiasa diawasi sama ada di segi pelaksanaan atau pengabaianya, hati dapat disucikan dan seterusnya akan zahir pada diri suatu tingkahlaku yang berakhlak serta diredai Allāh s.w.t. iaitu mereka yang memiliki *nafs al-muṭmainnah*; mereka yang tidak melakukan amalan negatif serta kerosakan dalam kehidupan di dunia¹⁵⁰.

iii. Disiplin Dan Akhlak Dalam Pendidikan

Dalam Islam, konsep pendidikannya ialah untuk membentuk keperibadian muslim dari tahap perseorangan hingga ke tahap ummah. Bagi mencapai tujuan ini, sistem akhlak Islam yang bermodelkan Nabi Muhammad s.a.w. hendaklah sentiasa dihayati dan dipraktikkan setiap masa¹⁵¹.

Dari perspektif sejarah penciptaan dan kekhalifan manusia, diperihalkan Nabi Adam a.s. telah menjalani suatu proses pendidikan sebagai suatu persediaan untuk menjalani kehidupan di dunia di mana

¹⁴⁹ *Ibid.*, 3:16.

¹⁵⁰ Al-Quran, surah al-Fajr:1-30.

¹⁵¹ Al-Quran, surah al-Aḥzāb:21.

Allāh s.w.t. sebagai guru dan baginda sebagai murid¹⁵². Peristiwa ini menunjukkan bahawa proses pendidikan yang mengaitkan hubungan guru-murid adalah antara perkara awal terjadi dalam sejarah manusia dan keberkesanannya bergantung pada interaksi antara kedua pihak tersebut, bagi pihak murid, pendidikan sebagai suatu asas untuk menjalani kehidupan dunia. Dalam sistem pendidikan Islam, sama ada yang mendidik atau yang dididik, keduanya mempunyai adab serta akhlak tertentu untuk menjamin kelangsungan matlamat serta kejayaan pendidikan dalam Islam di samping aspek kurikulum dan pedagogi. Ini kerana proses memberi dan menerima antara dua pihak ini sangat mempengaruhi keberkesanan sistem pendidikan tersebut dan antara sebab kegagalan sistem pendidikan ialah ketiadaan interksi antara dua pihak ini¹⁵³.

Al-Falimbānī ketika membicarakan aspek disiplin dan akhlak dalam pendidikan, menjuruskan dari sudut perhubungan para guru dan murid dalam proses pembelajaran serta dalam konteks pendidikan di segi tasawuf. Menurut beliau, disiplin pelajar terbahagi pada dua aspek iaitu bagi dirinya dan adabnya terhadap guru¹⁵⁴.

Adab yang terkhusus bagi dirinya umumnya melibatkan sistem akhlak Islam iaitu berkait dengan etika terhadap dirinya dan dalam

¹⁵²Al-Quran, surah al-Baqarah:31.

¹⁵³M.A.Qureishi, *op.cit.*,hlm.83-84.

¹⁵⁴Siyar,1:13.

pendidikan. Untuk dirinya, pelajar hendaklah sentiasa berusaha membersihkan diri dari segala aspek kecelaan nafsu sama ada berkait dengan aspek material atau kerohanian, manakala etika terhadap pendidikan ialah berkait dengan aspek disiplin dalam sistem pendidikan Islam¹⁵⁵. Adab pelajar terhadap gurunya merangkumi segala adab yang terpuji sebagaimana terkandung dalam sistem akhlak Islam yang umumnya merujuk kepada segala sifat yang terpuji¹⁵⁶.

Dalam satu adab yang dikemukakan al-Falimbānī, pelajar tidak seharusnya bersifat buruk sangka apabila mendapati gurunya melakukan sesuatu yang pada zahirnya bercanggah dengan uruf kebiasaan¹⁵⁷. Beliau meneladani adab ini dari kisah Nabi Mūsā-Khiḍr a.s. dalam al-Quran di mana diperihalkan bahawa Khiḍr a.s. menjelaskan segala perbuatannya dengan kata beliau "*...dan aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri*"¹⁵⁸. Peristiwa ini menekankan bahawa sifat sabar hendaklah sentiasa diutamakan dalam menuntut ilmu dan dalam membuat penilaian terhadap seseorang, konsep membaik sangka (*ḥusn az-zann*) hendaklah diamalkan. Dalam aspek tasawuf, guru atau syeikh biasanya dirujuk sebagai seorang *mahfūz* yang tidak terlepas dari dosa-dosa kecil. Akan tetapi, adab ini hanya dapat dilaksanakan apabila guru tersebut telah menepati ciri-cirinya sebagai seorang ulama.

¹⁵⁵Ibid.,1:13-15.

¹⁵⁶Ibid.,1:15-16.

¹⁵⁷Ibid.,1:16.

¹⁵⁸Al-Quran, surah al-Kahfi:82.

Sebagaimana dapat dilihat, al-Falimbānī meletak kedudukan guru sangat tinggi tarafnya kerana dalam Islam, mereka memainkan peranan yang besar dalam sistem pendidikan sehingga Allāh s.w.t. mengecualikan mereka dari menyertai peperangan¹⁵⁹, mereka dianggap seorang bapa di segi kerohanian para pelajar di mana mereka membekalkan makanan jiwa dengan ilmu dan pendidikan, seterusnya para pelajar hidup serta berkembang dan kedua mereka bertemu dalam kebaikan, manakala kebajikan tidak wujud tanpa keduanya¹⁶⁰.

Berhubung dengan garis panduan para guru, al-Falimbānī mengemukakan etika khusus bagi mereka yang secara umumnya merangkumi adab mereka terhadap diri, pendidikan dan perhubungan sosial. Dalam aspek diri, mereka hendaklah sentiasa menghayati sistem akhlak Islam, manakala di segi pendidikan, mereka hendaklah memastikan para pelajar mendapat sistem pendidikan yang sempurna seperti menyuruh mereka membersihkan diri dari segala aspek kecelaan, memastikan tahap pengetahuan mereka di segi ilmu fardu ain, seterusnya bersikap prihatin serta mengambil langkah yang perlu dalam memastikan pelajarinya mencapai matlamat dalam pendidikan mereka¹⁶¹.

Di segi perhubungan sosial, para guru hendaklah sentiasa mengamal dan mempraktik segala ilmunya agar menjadi teladan serta

¹⁵⁹Al-Quran, surah at-Tawbah:122.

¹⁶⁰Al-Abrasyī, *op.cit.*, hlm.139.

¹⁶¹Siyar, 1:16-17.

diikuti oleh orang lain¹⁶². Penekanan aspek akhlak di kalangan para guru adalah untuk menjamin keberkesanan sesuatu ilmu yang mereka sampaikan sebagai suatu *nūr* dan bukan hanya sebagai suatu maklumat di samping menepati firman Allāh s.w.t.:¹⁶³

﴿أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ﴾

Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebajikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri

Dan firman Nya:¹⁶⁴

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا كَمَا لَا تَعْمَلُونَ﴾

Wahai orang-orang yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya?.

iv. Proses Pendidikan

Proses pendidikan bagi al-Falimbānī ialah proses pembersihan jiwa dari kotoran melalui syariat Islam. Proses ini lebih bersifat formal kerana dalam menjalani proses ini, seseorang itu tertakluk pada disiplin dan etika tertentu sama ada di segi pembelajaran, ibadat dan sebagainya.

¹⁶²Ibid.

¹⁶³Al-Quran, surah al-Baqarah:44.

¹⁶⁴Al-Quran, surah as-Şaff:2.

Dalam al-Quran, diperihalkan bahawa manusia sebelum dizahirkan sebagai suatu alam, merupakan roh yang suci dan telah mengiktiraf secara langsung bahawa Allāh s.w.t. adalah Tuhannya, seterusnya Allāh membekalkan dengan beberapa perkara untuk mereka menjalani kehidupan di dunia iaitu hati (*qalb*), akal (*'aql*) dan nafsu (*nafs*) keinginan yang mempunyai dua potensi iaitu kebaikan; *nafs al-lawwāmah*¹⁶⁵ dan *nafs al-muṭmainnah*¹⁶⁶, dan kejahatan; *nafs al-ammārah*¹⁶⁷. Dalam hal ini, al-Falimbānī menjelaskan bahwa *Nafs al-muṭmainnah* menduduki taraf tertinggi, manakala taraf *nafs al-ammārah* terkebawah sekali. Oleh itu, setiap individu semestinya menyelidiki tahap jiwanya dan berusaha untuk mencapai ke tahap tertinggi, dengannya seseorang itu dapat mengenali diri dan seterusnya Tuhannya¹⁶⁸.

Manusia seharusnya sentiasa menyedari fitrah awal dirinya yang suci dan bersih di samping berusaha untuk mengekalkan keadaan tersebut. Al-Falimbānī menegaskan bahawa untuk mencapai matlamat ini, diri hendaklah dibersihkan dari segala maksiat batin yang dikuasai oleh *nafs al-ammārah*, seterusnya menghiaskannya dengan segala taat batin. Apabila jiwa dibersihkan dari segala kotoran dosa, suatu perilaku yang

¹⁶⁵Al-Quran, surah al-Qiyāmah:2. Walaupun ianya berpotensi kebaikan, kecenderungan untuk melakukan maksiat batin seperti *riyā'*, *'ujub* dan sebagainya masih wujud.

¹⁶⁶Al-Quran, surah al-Fajr:27.

¹⁶⁷Al-Quran, surah Yūsuf:53.

¹⁶⁸Siyar,3:5.

positif akan zahir kerana setiap perbuatan manusia itu berpunca dari hati¹⁶⁹. Dalam al-Quran, Allāh s.w.t. menyifatkan sebagai golongan yang berjaya sesiapa yang menyuci dirinya, manakala sesiapa yang mengotorinya adalah sebaliknya¹⁷⁰.

Ringkasnya, proses penyucian yang dibincangkan oleh al-Falimbānī ini mampu dilaksanakan peringkat demi peringkat iaitu melalui suatu kaedah pendidikan yang khusus.

Kaedah Pendidikan

Kaedah pendidikan sebagaimana yang dikemukakan al-Falimbānī ialah di segi pendidikan dalam tasawuf iaitu di peringkat tertinggi dalam aspek kurikulum. Kaedah ini secara umumnya ialah melalui ilmu dan amal di mana keduanya diinterpretasikan dalam suatu konsep perjalanan kepada Allāh s.w.t. yang meliputi segala disiplin dan etikanya. Seseorang yang telah memenuhi syarat dan etika dalam pendidikan, dibenarkan menjalani suatu perjalanan kerohanian yang berorientasikan ajaran tasawuf dan apabila individu tersebut melibatkan diri sepenuhnya dengan tasawuf, bererti beliau telah memulakan perjalanan kepada Allāh s.w.t. secara formal.

Sebelum memulakan perjalanan ini, al-Falimbānī menyarankan agar perlaksanaan segala syariat Islam secara bersungguh dan ikhlas

¹⁶⁹Ibid.,3:3.

¹⁷⁰Al-Quran, surah asy-Syams:9-10.

hendaklah diambil berat kerana proses ibadat ini menyaksikan peningkatan taraf manusia di segi nafsu dan alamnya dari tingkat yang terkebawah hingga yang tertinggi. Sistem ibadat ini, selain dari segala kewajipan yang fardu, amalan-amalan lain hendaklah disertakan terutama yang berkonsepkan zikir (*dhikr*) iaitu mengingati Allāh s.w.t. Ini kerana zikir sebagai cara perhubungan manusia dengan Nya secara langsung dan seharusnya dilaksanakan setiap detik dalam hayat manusia, ia juga merupakan satu interaksi yang berkesan dan sebagai salah satu cara menginterpretasi konsep *Tawhīd*.

Apabila perlaksanaan syariat tersebut mampu dilaksana sepenuhnya, beberapa syarat khusus harus dipenuhi sebelum dikenali sebagai *sālik* iaitu individu yang menjalani ajaran tasawuf secara formal di bawah pengawasan syeikh sepenuhnya. Al-Falimbānī telah menggariskan beberapa pra-syarat menjadi *sālik*, iaitu bertaubat dari segala dosa, menjauhkan perkara keduniaan iaitu di segi kemegahan, kemewahan dan harta melainkan sekadar keperluan, mengetahui serta mengamal ilmu-ilmu fardu ain dan banyak berzikir kepada Allāh s.w.t.¹⁷¹

Seterusnya beliau menjelaskan bagi seseorang *sālik*, syarat bermusafir dalam konteks tasawuf hendaklah dilaksanakan yang merujuk pada aspek bekal iaitu berbekalkan *taqwā* kepada Allāh, senjata iaitu bersenjatakan zikir, *himmah* iaitu kesungguhan, guru iaitu bergurukan dengan syeikh yang telah memahami rahsia tasawuf dan keempat ialah

¹⁷¹Siyar, 3:42-43.

taulan iaitu teman yang bersama-sama menjalani jalan ini¹⁷². Selain itu, hendaklah membiasakan diri dengan empat ibadat lain iaitu puasa, menghidupkan malam dengan *qiyām al-layl*, tidak banyak bercakap dan sentiasa menyendiri untuk beribadat (*khalwah*), *khalwah* hendaklah sentiasa diutamakan setiap masa di samping zikir, tanpa mengganggu amalan fardu dan amalan sunat yang utama seperti salat berjamaah, salat sunat dan sebagainya¹⁷³.

Semua syarat yang dikemukakan oleh al-Falimbānī tersebut merupakan suatu persediaan awal kerana sepanjang proses pendidikan ini menurut beliau, dua aspek yang berkaitan dengan proses ini akan ditempuh oleh *sālik* iaitu aspek halangan dan kedua ialah cara untuk mengatasi segala halangan tersebut. Dari aspek yang pertama, halangan utama datang dari aspek nafsu iaitu *Nafs al-Ammārah* yang secara semulajadinya sentiasa mendorong manusia kearah amalan negatif seterusnya memisahkan individu dari Tuhannya kerana hatinya telah tertutup dan akhirnya membawa pada keengganan menunaikan segala aspek kebaikan. Setiap individu khususnya para *sālik* hendaklah sentiasa berusaha bersungguh-sungguh (*mujāhadah*) untuk menyucikan hatinya dari segala kecelaan sama ada zahir atau batin¹⁷⁴.

Dari segi sifat kecelaan, al-Falimbānī menyenaraikan sepuluh sifat tercela yang utama sebagaimana dijelaskan sebelumnya dan

¹⁷²Ibid.,3:43.

¹⁷³Ibid.,3:45.

¹⁷⁴Ibid.,4:161.

termasuk dalam kategori dosa besar, di samping itu beliau menambah empat lagi dosa besar yang timbul dari jiwa yang kotor iaitu menyekutukan Allāh Ta'āla, mengekali berbuat maksiat, putus asa dari rahmat Nya dan beranggapan selamat dari Allāh Ta'āla iaitu tidak takut pada siksaNya¹⁷⁵. Nilai dosa dari dimensi batin ini seterusnya mempengaruhi pula anggota zahir dalam melakukan maksiat zahir. Oleh itu, pengawalan nafsu yang berpotensi kejahatan semestinya dikawal serta menjuruskannya pada nafsu yang ber-potensikan kebaikan.

Dari aspek *mujāhadah* pula, al-Falimbānī menegaskan bahawa tujuannya untuk pembersihan dari *nafs al-ammārah*, proses penyucian ini ialah dengan melatih dan membiasakan diri (*riyāḍat an-nafs*) dengan segala sifat terpuji (*taḥallī*) di samping menjauhi segala sifat yang tercela (*takhallī*)¹⁷⁶. Menurut al-Falimbānī, sepanjang proses ini, seseorang itu hendaklah mengikatkan dirinya (*murābaṭah*) atau mengekali dengan amalan ibadat¹⁷⁷ sebagaimana gesaan Allāh s.w.t.¹⁷⁸, seterusnya dalam masa *murābaṭah* ini, terdapat enam perkara atau martabat (*maqām*) yang mesti dilaksanakan;

¹⁷⁵Ibid.,4:13.

¹⁷⁶Al-Quran, surah al-Hāj:78; surah al-ʿAnkabūt:29,69.

¹⁷⁷Siyar,4:161.

¹⁷⁸Firman Allāh s.w.t. bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman! bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu, bersedialah serta bertakwalah kamu kepada Allāh supaya kamu berjaya", Al-Quran, surah Āli ʿImrān:200.

- a. *Musyārāṭah* iaitu mensyaratkan dirinya dengan mengekali dalam penunaian ibadat serta menjauhi segala maksiat; zahir dan batin setiap masa¹⁷⁹.
- b. *Murāqabah*, iaitu sentiasa mengawasi diri dengan berbuat ibadat di samping menjauhi perlakuan negatif sama ada dalam aspek masa atau tempat.¹⁸⁰ Martabat ini juga dikenali dengan *maqām Iḥsān* kerana konsep *Iḥsān* direalisasikan iaitu ikhlas dalam setiap amalan sama ada ketika mengerjakan kebaikan atau meninggalkan keburukan¹⁸¹.
- c. *Muḥāsabah* iaitu penilaian seseorang terhadap segala perbuatannya setiap hari¹⁸². Seseorang itu seharusnya mempunyai satu waktu dalam kehidupan sehariannya untuk menghisab serta bertaubat kepadaNya terutama apabila melakukan amalan maksiat¹⁸³.
- d. *Mu‘āqabah* atau menghukum diri dengan ibadat iaitu apabila seseorang itu menghisab perbuatannya dan terdapat amalan

¹⁷⁹Siyar, 4:161.

¹⁸⁰Ibid., 4:160.

¹⁸¹Ibid., 4:163.

¹⁸²Ibid., 4:160.

¹⁸³Ibid., 4:167-168.

yang sia-sia atau maksiat, hendaklah dia menghukum dirinya dengan membuat ibadat¹⁸⁴.

e. *Mujāhadah* iaitu bersungguh-sungguh dalam penunaian ibadat selepas menempuhi empat martabat di atas dan bagi *sālik*, hendaklah meminta dari gurunya supaya ditambah kepadanya amalan-amalan yang lain. Apabila seseorang itu merasa malas dalam ibadatnya, hendaklah dia meneliti dan mendengar dari hadis atau kisah tentang kelebihan ibadat dan orang yang beribadat, atau bersahabat dengan mereka yang tekun dalam ibadatnya¹⁸⁵.

f. *Mu'ātabah* iaitu menyesal dengan perbuatannya yang sia-sia di samping mencela dirinya kerana mengikut nafsunya yang jahat (*nafs al-Ammārah*), seterusnya menyoal dirinya dengan kelalaian yang dilakukan di samping menyebut serta mengingati akibatnya yang dahsyat dari Allāh Ta'āla¹⁸⁶.

Menurut al-Falimbānī, mereka yang berada di peringkat kedua ini hendaklah sentiasa mengawasi segala gerak hati atau lintasan hati (*khāṭir*) sebelum melakukan sesuatu, beliau memberi peringatan ini kerana kalau dilihat dari sudut epistemologi tasawuf, sesuatu yang ber-

¹⁸⁴Ibid.,4:169-170.

¹⁸⁵Ibid.,4:170-171.

¹⁸⁶Ibid.,4:171-172.

sumberkan dari aspek batin bagi manusia selain para Nabi a.s., ia adalah sama ada bersumberkan dari Allāh s.w.t. iaitu ilham atau dari syaitan iaitu *khāṭir*. Al-Falimbānī seterusnya menerangkan bahawa dalam perjalanan keroohanian seseorang *sālik*, beliau hendaklah menentukan aspek batin yang diterimanya itu sama ada *Khāṭir Rabbānī*¹⁸⁷, *Khāṭir Malakī*¹⁸⁸, *Khāṭir Nafsānī*¹⁸⁹ atau *Khāṭir Shayṭānī*¹⁹⁰. Menurut al-Falimbānī lagi, hanya golongan *sālik* yang mengetahui segala *khāṭir* tersebut melalui *nūr* Allāh di hatinya¹⁹¹.

Proses pendidikan yang dikemukakan al-Falimbānī ini umumnya merangkumi tiga objektif utama iaitu untuk menjadi seorang Islam yang beriman kerana seseorang yang beriman (*mu'min*) akan sentiasa diiringi dengan amal. Kedua untuk membersihkan hati dari segala kotoran dosa serta amalan yang sia-sia di samping menghiaskan diri dengan segala akhlak yang terpuji, manakala tujuan ketiga serta yang utama ialah untuk melayakkan diri agar tergolong dalam kategori orang-orang yang berjaya (*al-muflihīn*) di dunia dan akhirat kelak.

¹⁸⁷Keinginan atau kehendak yang tidak dipengaruhi oleh nafsu dan syaitan, tidak bercanggah dengan sifat kemalaikatan, ia datang sebagai anugerah dari Allāh Ta'āla, Siyar,4:165.

¹⁸⁸Keinginan untuk mengerjakan amalan yang wajib atau sunat atau segala kebaikan dengan ikhlas serta adabnya, Siyar,4:165.

¹⁸⁹Keinginan untuk melakukan perkara-perkara harus yang diingini oleh nafsu. Keinginan ini hendaklah dilakukan hanya sekadar hajat saja di samping menolong dalam berbuat ibadat, Siyar,4:165.

¹⁹⁰Keinginan untuk melakukan perkara yang haram dan amalan maksiat, keinginan ini hendaklah dijauhi, Siyar,4:165.

¹⁹¹Ibid.

Kesimpulan dari fahaman beliau dalam konsep pendidikan, proses pendidikan berlaku dalam tiga peringkat iaitu mempelajari, mempraktik dan ketiga ialah menjadikannya sebagai suatu sifat yang bersehati dalam diri. Proses ini bermula apabila individu menyedari hakikat asal dirinya dan seterusnya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk kembali ke hakikat asalnya. Usaha ini merupakan pembersihan diri dari segala nilai dosa yang menutupi kemurniaan cermin hatinya, iaitu dengan sistem ibadat yang berlandaskan syariat Islam dan diamalkan sehingga menjadi suatu sifat yang bersehati dalam diri. Sebagai natijahnya, akan tercapailah matlamat terakhir bagi manusia iaitu menjadi makhluk dengan sebaik-baik kejadian di samping mengetahui segala sesuatu melalui Allāh s.w.t. Pengetahuan tersebut dikenali sebagai *ma'rifat Allāh* dan merupakan satu aspek dalam ilmu *mukāsyafah* yang diperolehi melalui sistem pendidikan yang berteraskan *'amal as-ṣāliḥ*.